

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 19 Mei 2014 (Isnin)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Puan Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16	YB. Dr. Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
33	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36	YB. Omar Abd Hamid	Permatang Berangan
37	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN Negeri Pulau Pinang.**

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Puan Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari a/p Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 10.00 pagi.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, bacaan doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh bin Man):

Bacaan"DOA."

Setiausaha:

Pengumuman oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Per tua Negeri telah menetapkan hari ini 19 Mei 2014 sebagai hari permulaan Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas melalui perisytiharan bertarikh 31 Mac 2014 yang diwartakan pada 10 April 2014. Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan akan tiba di Dewan ini sebentar lagi untuk menyampaikan ucapan kepada Dewan.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, ketibaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan.

Ucapan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri:-

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berhormat Dato Law Choo Kiang

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato Haji Mohd Rashid bin Hasnon

Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang

Yang Berhormat Profesor Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy

Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-Ahli Parlimen

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri

Yang Berbahagia Dato Seri-Dato Seri dan Datin Seri-Datin Seri

Yang Berbahagia Dato-Dato dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan perkenan-Nya saya dan Toh Puan dapat menghadiri Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas pada pagi yang mulia ini.

Saya berasa gembira kerana permulaan 2014 ini telah disambut dengan keadaan yang aman dan makmur di seluruh negeri. Keadaan yang selamat dan harmoni ini perlulah dikekalkan agar kesejahteraan rakyat dan kemajuan Negeri Pulau Pinang terus menjurus ke arah pembangunan giat dan mampan untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri maju yang bertaraf antarabangsa dan pintar menjelang tahun 2020.

Saya juga bersyukur apabila simbol kemegahan negeri yang baharu iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang, Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah telah pun disiapkan dan dirasmikan pada 1hb Mac 2014 yang lalu. Jambatan ini merupakan jambatan terpanjang di Asia Tenggara iaitu sepanjang 24 kilometer, di mana 17 kilometer merentasi laut dan tujuh (7) kilometer di atas daratan telah pun menelan kos sebanyak RM4.5 bilion. Jambatan ini bukan sahaja menjadi ikon kepada negara malah kepada Negeri Pulau Pinang khususnya kerana ia bukan sahaja menjadi daya tarikan pelancongan baharu kepada negeri, malah akan turut membantu merancakkan lagi perkembangan ekonomi negeri khususnya di Daerah Seberang Perai Selatan.

CABARAN MENGEKALKAN PRESTASI EKONOMI NEGERI

Saya merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada pimpinan Kerajaan Negeri kerana berjaya merekodkan lebihan bajet setiap tahun dalam mengekalkan sistem pengurusan kewangan dengan baik. Kejayaan bajet lebihan adalah kesinambungan pengurusan kewangan yang cemerlang sehingga menerima pujian daripada Ketua Audit Negara, dalam mengurangkan hutang Kerajaan Negeri sebanyak 95% dan menjadi Pulau Pinang negeri tunggal di Malaysia yang dipuji oleh *Transparency International* kerana mengamalkan tadbir urus yang berlandaskan ketelusan, integriti dan anti-rasuah.

PENINGKATAN AKTIVITI PELABURAN DAN PERINDUSTRIAN

Saya berbangga kerana Negeri Pulau Pinang masih mampu mengekalkan kedudukan negeri yang paling besar dengan jumlah pelaburan luar negeri iaitu (FDI) sebanyak RM19.7 bilion dari tahun 2010 sehingga Ogos 2013 yang menyumbang kepada 20% kepada keseluruhan jumlah pelaburan asing di Malaysia. Kemasukan pelaburan asing dijangka bertambah lagi dalam aspek kuantiti dan kualiti oleh syarikat antarabangsa

terkemuka bukan sahaja daripada sektor pembuatan elektronik tetapi juga sektor perkhidmatan pada tahun ini. Saya percaya peningkatan jumlah pelaburan ini adalah kesan daripada tadbir urus baik iaitu C.A.T. menerusi kedaulatan undang-undang, kepimpinan berintegriti dan pembekalan modal insan yang terlatih.

Berkaitan dengan industri halal, Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) yang diwujudkan sejak tahun 2008 berjaya menarik pelaburan daripada 10 syarikat dengan nilai pelaburan berjumlah RM484.2 juta dengan tanah seluas 53.97 ekar, di mana dua (2) buah syarikat telah siap proses pembinaan, dua (2) buah syarikat lagi telah memulakan pembinaan yang dijangka siap pada tahun 2015 dan enam (6) buah syarikat dalam proses reka bentuk.

INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN

Pembangunan Negeri Pulau Pinang bergantung kepada infrastruktur yang terancang sama ada dalam aspek jalan raya, utiliti mahupun pengangkutan. Sebanyak RM19.45 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2014 untuk membiayai penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan raya seperti di Jalan Song Ban Kheng, Seberang Perai Tengah (SPT) yang bernilai RM2.42 juta dan Jambatan Konkrit di Jalan Tanah Liat, SPT yang bernilai RM1.4 juta juga bakal disiapkan. Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan lapan (8) projek baharu yang bernilai RM169.5 juta. Di antara projek baharu tersebut adalah Cadangan Pelebaran Jalan Bukit Minyak - Alma, SPT, menaik taraf jalan dan saluran serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Siram, Butterworth. Cadangan pembinaan jambatan baharu merentasi sungai di atas laluan P169, Kampung Tanjung Berembang, SPS serta lima (5) projek lagi di mana peruntukan yang diberikan berjumlah RM49 juta. Daripada kos keseluruhan RM169.5 juta yang disediakan untuk tujuan pembiayaan pada tahun 2014.

Saya berasa bangga bahawa Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang tidak menjalankan catuan air sungguh pun Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Taiping terpaksa menjalankannya. Saya menyokong cadangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tarif air domestik dan perdagangan sebagai satu langkah pengurusan permintaan air untuk mengekalkan daripada catuan air tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Kenaikan tarif air ini bertujuan menggalakkan rakyat mengurangkan penggunaan air sekaligus untuk mengelakkan

catuan air di Negeri Pulau Pinang. Namun demikian, selepas peningkatan tarif air, tarif air domestik yang dikenakan masih terendah di Malaysia iaitu RM0.32 per meter kubik untuk 35,000 liter pertama sebulan, iaitu 30% daripada harga di Johor. Untuk tarif-tarif perdagangan pula, selepas kenaikan adalah sebanyak RM1.36 iaitu kurang daripada tarif purata kebangsaan iaitu sebanyak RM1.45. Marilah kita sama-sama mengurangkan penggunaan air bagi menghadapi musim kemarau ekoran El Nino tanpa melaksanakan sebarang catuan air.

PENGANGKUTAN DAN LALU LINTAS

Saya menyambut baik usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Antara yang terbaharu saya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk melaksanakan satu sistem jaringan TRAM dan sistem jaringan Light Rail Transit (LRT) atau Transit Aliran Ringan sepertimana yang telah dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan (PIP). Oleh yang demikian, komitmen yang jelas daripada Kerajaan Persekutuan bagi membantu Kerajaan Negeri melaksanakan projek ini baik dengan menunaikan janji untuk membiayainya ataupun membenarkan Kerajaan Negeri membiayainya sendiri amatlah diharapkan. Kerajaan Negeri masih menunggu maklum balas ke atas permohonan supaya Kerajaan Persekutuan menyerahkan kuasa lesen pengendalian kepada Kerajaan Negeri bagi sistem pengangkutan TRAM, LRT atau pengangkutan awam bersama pihak swasta. Bagi memastikan projek ini menjadi kenyataan, saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah pun memulakan langkah awal dengan menawarkan Request for Proposal (RFP) secara tender terbuka untuk menjemput mana-mana pihak sama ada dari dalam mahupun dari luar negara yang berminat untuk membina TRAM serta menjalankan kajian kemungkinan (feasibility study).

PENINGKATAN SEKTOR PELANCONGAN

Sektor pelancongan merupakan antara sektor terpenting yang menjadi sumber utama ekonomi Negeri Pulau Pinang. Majalah The Guardian dari United Kingdom telah menamakan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan yang perlu dilawati pada tahun 2014 dan memiliki lukisan jalanan atau dinding yang di antara yang paling menarik di dunia, serta Majalah Lonely Planet pula mengiktiraf Pulau Pinang sebagai

destinasi makanan yang terbaik di dunia.

Kini, Pulau Pinang mulai menjadi tarikan para penerbit dan pengeluar filem untuk melakukan penggambaran filem di sini. Kerajaan Negeri telah berjaya menarik perhatian Syarikat Perfileman Biscuit Films Sdn. Bhd. dan New Production Ltd. dari United Kingdom untuk menggunakan kawasan Hotel Crag dan beberapa banglo di Bukit Bendera serta tempat-tempat lain di Pulau Pinang bagi menjalankan penggambaran drama bersiri Indian Summers selama dua (2) tahun mulai 16 Mac 2014 hingga Disember 2015. Kerajaan Negeri akan memperolehi RM890,000 untuk tempoh masa dua (2) tahun penggambaran filem itu dijalankan. Siri penggambaran ini dijangka melibatkan perbelanjaan sebanyak RM50 juta dan akan diterbitkan dalam lebih 50 episod serta memberi promosi yang amat baik kepada negeri ini khususnya dalam sektor pelancongan memandangkan program bersiri ini akan ditayangkan di United Kingdom, Amerika Syarikat dan seterusnya ke seluruh dunia.

Seberang Perai juga adalah destinasi pelancongan yang menjadi fokus utama Kerajaan Negeri pada tahun 2014. Ini adalah kerana sebanyak 36 lokasi telah dikenal pasti mampu diketengahkan sebagai destinasi pelancongan dan destinasi yang terkenal termasuk bangunan bersejarah, kawasan eko-pelancongan, rumah ibadah dan juga pusat rekreasi. Bermula 1 Jun 2014, Kerajaan Negeri akan mengenakan levi RM2.00 bagi setiap malam penginapan di hotel yang bertaraf satu (1) hingga tiga (3) bintang, manakala levi RM3.00 akan dikenakan bagi penginapan di hotel yang bertaraf empat (4) bintang hingga ke atas. Kutipan levi ini akan digunakan sebagai dana dalam mempromosikan lagi aktiviti kebudayaan dan pelancongan di Negeri Pulau Pinang.

MELESTARIKAN SEKTOR PERTANIAN DAN ASAS TANI

Kita sering mendengar ungkapan pertanian adalah perniagaan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri perlu memberi fokus kepada program-program yang mampu memberi kesan terhadap peningkatan kualiti hasil dan produktiviti ladang di samping bantuan teknologi untuk menjadikan pengurusan sektor pertanian lebih efisien. Pemberian bantuan dana kepada usahawan tani muda melalui Tabung Usahawan Tani Muda berjumlah RM5,000 seorang mulai tahun 2014 merupakan cadangan yang baik bagi membantu mereka meningkatkan pendapatan dalam sektor berkenaan.

Selain itu, projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga, Seberang Perai Utara (SPU) seluas 277.6 hektar yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dilihat bukan sahaja memberi faedah kepada peningkatan pengeluaran akuakultur tetapi juga berpeluang menjadi kawasan tarikan pelancongan baharu di negeri ini. Kerajaan Negeri akan turut membangunkan projek ini di kawasan lain yang berpotensi seperti di Balik Pulau seluas 240 hektar dan di Sungai Chenaam seluas 100 hektar. Saya juga percaya sekiranya projek-projek ini dapat direalisasikan, jumlah pengeluaran akuakultur sebanyak 48,240 tan metrik yang bernilai RM964.80 juta setahun akan tercapai.

Saya memuji keprihatinan Kerajaan Negeri dalam membela golongan nelayan apabila memperuntukkan sejumlah RM1.6 juta setahun untuk memberikan pukot pantai dua kali setahun kepada semua 2,981 orang nelayan dalam negeri ini. Inilah kali pertama Kerajaan Negeri menyumbang pukot pantai kepada nelayan.

PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

Bagi menjamin kesejahteraan hidup dan peningkatan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri telah menandatangani satu perjanjian usahasama bersama pihak swasta pada 15 Mei 2014 untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Pinang menggunakan Teknologi iQPR (Infinitesima Quantum Persistent Reflection). Projek yang melibatkan kos RM5.8 juta akan dijalankan sepanjang 3.1 kilometer di Sungai Pinang dan cabang-cabang sungai tersebut seperti Sungai Jelutong (2.0 kilometer), Sungai Mati (1.0 kilometer) dan City Big Drain sepanjang 2 km untuk mengurangkan bau seterusnya meningkatkan kualiti air sungai. Projek ini terbahagi kepada 3 fasa dan selama 3 tahun. Sasaran projek ini adalah untuk meningkatkan kualiti air sehingga Kelas II.

MENINGKATKAN PENAWARAN PERUMAHAN

Dasar Kerajaan Negeri mementingkan keselesaan dan kesejahteraan rakyat dengan mendukung prinsip demokrasi perumahan harus disokong. Kerajaan Negeri telah mengorak langkah bijak dengan membeli unit-unit perumahan yang telah siap dibina oleh pemaju swasta seperti membeli 51 unit Rumah Pangsa Kos Rendah di Taman Seruling Emas di Daerah Seberang Perai Selatan untuk menjalankan Skim Sewa Beli bagi

golongan berpendapatan rendah dengan kadar sewaan sebanyak RM100 sebulan dan kos penyelenggaraan RM20.00 sebulan.

Kerajaan Negeri juga melaksanakan Skim Pemilikan Bersama atau Shared Ownership Scheme (SOS) untuk membolehkan rakyat berpendapatan rendah berpeluang memiliki rumah pertama dengan bantuan pinjaman tanpa faedah, yang merupakan inisiatif julung kali diadakan di Malaysia. Di bawah skim ini, pemohon hanya perlu mendapatkan pinjaman bank dengan faedah bank sebanyak 70% daripada harga rumah manakala baki pinjaman sebanyak 30% lagi akan diperolehi daripada Kerajaan Negeri tanpa faedah. Inisiatif ini telah dilaksanakan dengan pembelian 104 unit Rumah Kos Rendah di Taman Sungai Duri Permai di Daerah Seberang Perai Selatan oleh Kerajaan Negeri pada 29 April 2014.

Kerajaan Negeri juga telah memberi peruntukan sebanyak RM11.3 juta kepada Bahagian Perumahan bagi mengurus dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan ke atas kesemua Rancangan Perumahan Kerajaan Negeri. Adalah diharapkan agar dengan adanya peruntukan tersebut secara tidak langsung akan dapat memberi nafas baru kepada semua penduduk Rancangan Perumahan Kerajaan Negeri untuk menikmati kehidupan yang selesa dan harmoni.

MENINGKATKAN PROGRAM KEBAJIKAN

Kerajaan Negeri perlu terus berusaha gigih membantu rakyat Negeri Pulau Pinang menghadapi keperitan hidup disebabkan harga barang dan perkhidmatan yang terus meningkat. Sejak tahun 2010 hingga 2013, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM86.54 juta untuk melaksanakan enam (6) program dan skim bantuan yang merangkumi Program Penghargaan Warga Emas, Sumbangan Waris Warga Emas Yang Meninggal Dunia, Program Anak Emas, Program Bantuan Ibu Tunggal, Orang Kelainan Upaya (OKU), Mahasiswa Emas, Pelajar Emas dan Ibu Emas.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menjaga kebajikan rakyat dalam aspek kesihatan. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang iaitu bersama dengan Syarikat Jerman B. Braun yang kini beroperasi di Balik Pulau bernilai RM2 juta serta turut merancang untuk membina Pusat Dialisis

dengan konsep yang sama di empat (4) daerah lain. Kerajaan Negeri memberi subsidi kepada pesakit yang kos rawatan RM30 sekali rawatan. Selain rawatan dialisis rawatan, perkhidmatan pemeriksaan mammogram akan ditawarkan kepada golongan wanita di Pulau Pinang yang berusia 35 tahun ke atas. Perkhidmatan ini akan ditawarkan secara percuma dalam usaha mewujudkan kesedaran kepada masyarakat kepentingan penjagaan kesihatan dan terhindar daripada penyakit-penyakit kronik seperti kanser.

BANDAR SELAMAT

Sebagai sebuah negeri yang sering menjadi tumpuan pelancong dan pelabur, tahap keselamatan negeri mesti sentiasa dalam keadaan terjamin. Untuk itu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pasukan Polis Diraja Malaysia kerana Indeks Jenayah Pulau Pinang telah menurun sebanyak 23% dalam tempoh tujuh (7) minggu pertama tahun 2014 berbanding tempoh sama pada tahun 2013, hasil kerjasama bersama Kerajaan Negeri serta rakyat di negeri ini.

Dalam usaha untuk mengekalkan tahap keselamatan negeri, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan telah membelanjakan RM3.2 juta untuk memasang 180 CCTV tambahan pada tahun 2014 sebagai tambahan kepada 104 CCTV sedia ada. Dengan penambahan 180 CCTV yang baharu akan menjadikan jumlah keseluruhan CCTV sebanyak 284 unit di seluruh Negeri Pulau Pinang. Adalah diharapkan dengan pemasangan CCTV, kerjasama yang jitu bersama pihak PDRM dan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) akan membantu mengurangkan kadar jenayah serta mengekalkan status bandar selamat untuk dikunjungi. Sehingga akhir tahun 2013, terdapat 264 PPS yang ditubuhkan dengan keahlian seramai 8,263 orang ahli.

PEMBANGUNAN SUKAN DAN BELIA

Usaha-usaha mengilhamkan penjenamaan Negeri Pulau Pinang sebagai bandar sukan yang unggul di Malaysia dan juga di peta dunia diyakini, diberikan suntikan dengan kejayaan penganjuran Kejohanan Skuasy Wanita Dunia 2014 yang berlangsung pada 15 hingga 23 Mac 2014. Penganjuran ini dengan kos RM1 juta, telah mendapat penyertaan daripada 75 orang atlet skuasy bertaraf antarabangsa yang melibatkan hampir 20 buah negara dan menarik hampir 5,000 orang pengunjung. Selain itu, terdapat beberapa

program sukan berkomuniti yang berjaya menarik penyertaan peserta antarabangsa seperti *Penang International Triathlon & Duathlon 2014*, *Penang Run 2014* dan Kejohanan Angkat Berat Komanwel pada tahun 2013.

Kerajaan Negeri bercadang membina Pusat Pembelajaran di semua daerah dalam menggalakkan pembelajaran berterusan di pelbagai peringkat umur. Kerajaan Negeri akan memberi penekanan kepada empat (4) bidang utama iaitu Sains, Teknologi, “*English*” dan “*Mathematics*” atau ringkasnya STEM. Di samping itu, Kafe Sains juga akan didirikan sebagai pencetus minat kepada perkara Sains dan Matematik di peringkat sekolah.

PEMBANGUNAN WANITA

Peranan wanita pada masa ini amat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Prinsip kesaksamaan gender bagi memastikan golongan wanita mendapat hak dan perlindungan yang lebih menyeluruh mesti dihormati. Negeri Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang telah mengambil langkah awal dalam menjadikan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB) sebagai projek perintis di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

MEMARTABATKAN AGAMA ISLAM

Sesungguhnya Kerajaan Negeri sentiasa memastikan agar masjid yang menjadi simbol perpaduan ummah diselenggara dengan baik untuk memberi kemudahan yang lebih selesa kepada jemaah. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM11.2 juta wang untuk pembangunan pada tahun 2014 untuk membina dan menyelenggara masjid, surau dan sekolah agama rakyat. Peruntukan ini tidak termasuk peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai 'cost sharing' dan juga tidak termasuk tanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Selain itu, saya ingin melahirkan keprihatinan atas kelewatan projek pembinaan Bangunan Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang atas tanah di Jalan Scotland yang bernilai RM70 juta yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Sama juga dengan kelewatan Projek Pembinaan Bangunan Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Seberang Perai

Tengah yang bermula sejak tahun 2011 masih belum disiapkan sehingga kini. Saya difahamkan Kerajaan Negeri telah menyediakan tanah seluas 7,440 meter persegi dan kos pembinaan RM10 juta bagi membelanjakan RM23 juta untuk projek ini. Oleh itu, saya berharap agar agensi pelaksana dapat memastikan projek ini dapat disiapkan secepat mungkin agar wang dan tanah yang diberikan tidak disia-siakan.

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

Saya berpuas hati dengan prestasi perkhidmatan awam Negeri Pulau Pinang pada masa ini dengan jumlah keseluruhan penjawat awam seramai 9,840 orang. Anugerah-anugerah kecemerlangan dan pengiktirafan yang diterima di peringkat kebangsaan antaranya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang menerima penarafan empat (4) bintang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan penarafan empat (4) bintang juga dianugerahkan dalam Indeks Akauntabiliti dalam Pengurusan Kewangan. Selain itu, saya dimaklumkan juga Negeri Pulau Pinang disenaraikan sebagai agensi yang mendapat penarafan lima (5) bintang dalam Majlis Anugerah *Malaysia Government Portals and Websites Assessment* oleh Multimedia *Development Corporation* (MDeC) dan yang terbaharu menerima Anugerah MyGDI Kebangsaan sempena Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan ke-6 bagi kategori Jabatan Negeri. Pengiktirafan peringkat kebangsaan yang diterima membuktikan kewibawaan dan kecekapan penjawat awam negeri ini. Saya berkeyakinan Kerajaan Negeri akan terus melipatgandakan usaha bagi memastikan prestasi cemerlang perkhidmatan negeri ini berkekalan.

PENUTUP

Saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat hadir pada setiap sesi sidang dan bangun berhujah dengan memberi cadangan dan buah fikiran yang bernas demi kebaikan dan kesejahteraan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang tanpa mengira bangsa dan agama.

Saya juga berharap Dewan Undangan Negeri ini akan berfungsi dengan baik dan sempurna. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar, teratur, mengikuti peraturan semasa bersidang dan berhemah serta

mempunyai tatasusila yang baik sebagai Wakil Rakyat.

Tidak lupa juga semua anggota perkhidmatan awam baik daripada badan persekutuan mahupun negeri, khususnya pasukan keselamatan daripada pihak anggota tentera, polis, bomba dan imigresen yang menjamin keselamatan rakyat dan keamanan negara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan perasaan sedih dan terharu saya terhadap kehilangan Penerbangan MAS Pesawat MH370 yang masih belum diketahui keadaannya walaupun telah dimaklumkan bahawa pesawat tersebut telah mengakhiri penerbangannya di Lautan Hindi. Saya mendoakan supaya misi pencarian ini berakhir dengan jayanya dan mendapat jawapan yang pasti bagi merungkai segala misteri serta memuaskan hati semua pihak. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kerajaan juga kerajaan asing yang bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia untuk mencari kapal terbang ini. Semoga kita terus berusaha sebaik mungkin bagi mencari jawapan yang tepat kepada tragedi yang berlaku. Saya ingin menyampaikan salam takziah kepada ahli keluarga kepada 239 mangsa yang terbabit dan berharap mereka yang terlibat akan terus bersabar dan redha dalam menghadapi dugaan dan ketentuan yang telah terjadi ini.

Akhir kata, saya berdoa kepada *Allah Subhanahu Wataala* agar sentiasa memberikan rahmat dan kasih sayangNya kepada kita untuk mempermudah segala urusan dan tanggungjawab kita. Saya juga menaruh keyakinan terhadap barisan Kepimpinan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat, Tuan Lim Guan Eng untuk membawa dan memastikan Negeri Pulau Pinang akan terus cemerlang dan mencapai pembangunan seperti yang dirancangkan. Sekian sahaja ucapan saya sempena Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Negeri Pulau Pinang kali ini. Dengan ini, saya mengucapkan Selamat Bersidang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan akan meninggalkan Dewan ini sebentar lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Tun. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha:

Tun Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan meninggalkan Dewan Persidangan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha:

Ahli-ahli yang terhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli yang terhormat dewan bersidang semula.

Setiausaha:

Pengumuman oleh yang terhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana sedia maklum bahawa bekas Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu mendiang Datuk Tan Gim Hua telah meninggal dunia pada 12

Januari 2014. Mendiang Datuk Tan Gim Hua telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tanjung Tengah mulai 10 haribulan Mei 1969 hingga 30 Julai 1974, dan Ahli Kawasan Bukit Gelugor mulai 24 haribulan Ogos 1974 hingga 11 haribulan Jun 1978. Manakala bekas Ahli Dewan Undangan Negeri mendiang Karpal Singh a/l Ram Singh telah meninggal dunia pada 17 haribulan April 2014. Mendiang Karpal Singh a/l ram Singh telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bukit Gelugor mulai 8 Julai 1978 hingga 4 Oktober 1990. Oleh itu, para hadirin di pohon untuk bertakafur selama satu (1) minit. Para hadirin diminta berdiri.

{ Bertafakur selama satu (1) minit. }

Para hadirin diminta duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada sesi kali ini kita akan menimbangkan tujuh puluh satu (71) soalan lisan, lima ratus enam puluh sembilan (569) soalan bertulis dan empat (4) usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Setiausaha:

Perbentangan risalah.

Bilangan 1 Tahun 2014 Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013, Aktiviti
- Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
Negeri Pulau Pinang (Siri 1)

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon membentangkan diatas meja dewan Risalah Bilangan 1 Tahun 2014 seperti yang tersenarai dalam susunan urusan mesyuarat.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk meminta selaras dengan peraturan 6A(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya sesi persidangan hari ini 19 Mei 2014 hari Isnin, dilanjutkan sehingga tamat tiga (3) jam soalan lisan seperti mana yang ditetapkan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat ada sokongan?

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Haji Mohd. Rashid Bin Hasnon):

Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul dibawah peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh sesi persidangan hari ini 19 Mei 2014 Isnin, sehingga tamat tiga (3) jam soalan lisan. Ahli-ahli yang terhormat bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Ya." sebulat suara, usul dipersetujui.

Setiausaha:

Soalan-soalan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan-tuan dan puan-puan di dalam Dewan yang mulia ini, saya mengambil kesempatan ini untuk nak mempersoalkan bahawasanya pada penggal yang lalu saya telahpun di hadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya dijemput untuk

menghadiri dalam sesi untuk memberi penjelasan, maka saya dengan rendah diri untuk menghadirkan diri untuk memberi penjelasan dan memberi bukti-bukti. Atas tuduhan yang dikemukakan kepada saya. So, mengikut Peraturan (109B) Jawatankuasa Hak dan Kebebasan suka saya menyebut adalah menjadi kewajiban atas jawatankuasa ini menimbangkan apa-apa perkara demikian itu yang diserahkan kepadanya dan mengeluarkan penyata di atas perkara-perkara ini kepada Dewan. Kenapa penyata ini tidak di bantangkan di dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih Dato Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Untuk maklumat Ahli Kawasan Pinang Tunggal laporan kenyataan itu akan dibentangkan pada mesyuarat sesi yang akan datang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Dato' Speaker, Mesyuarat Kedua Penggal Pertama bersidang pada 29 November 2013 hingga 13 November 2013. ADUN Jawi telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 343 rujuk kepada Jawatankuasa Hak Kebebasan diputuskan seperti di usulkan. Saya berpendapat bahawasanya mengikut Peraturan 106 menyatakan Jawatankuasa Pilihan termasuk Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ditandatangani oleh Pengerusi dan dibentangkan di atas meja ini. Meja bermaksud dalam Dewan *convention* ia selepas mesyuarat mesti diserahkan. Kenapa tidak dibentangkan. Kenapa harus tunggu sampai ke penggal depan. Padahal keputusan telah pun dibuat tak salah saya sebulan setengah yang lalu. Keempat-empat ADUN BN ada di situ. Sepatutnya dibentangkan hari ini, kenapa ditangguh di sesi akan datang. Saya juga berharap kalau tidak dibentangkan mungkin ada kekeliruan di sini. Saya minta supaya di hadapkan kepada Jawatankuasa Kebebasan, iaitu bermesyuarat untuk memastikan prosedur yang sebenarnya. Bagi saya kalau sudah bersidang, bermesyuarat, mesti dibentangkan, tidak boleh ditangguh. Itu pandangan saya Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, saya nampak macam ada perbezaan. Kalau dulu bekas Ketua Pembangkang, tindakan yang diambil segera. Tapi apa istimewanya ADUN Pinang

Tunggal ini. Saya hairan ada apa-apakah dengan Dato Speaker atau ada arahan lain yang menyebabkan tindakan tidak boleh diambil. Ini menyebabkan kekeliruan. Dato' Pinang Tunggal pun dia risau nak datang, tak datang. Sebab tu pagi tadi boleh datang atau tidak. Saya kata boleh datang sebab tak nampak usul nak pecat dia. Oleh sebab tu dia datang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Untuk perkara ini, saya nak bagi penjelasan dan saya nak henti di sini. Walaupun mesyuarat dah dipanggil oleh jawatankuasa dan telah pun kita bermesyuarat tetapi dalam proses untuk menyediakan laporan yang lengkap yang muktamad kepada Dewan ini saya masih lagi ada tempat-tempat yang saya nak rujuk balik. So, maka itulah saya rasa itu adalah elok supaya saya bantangkan dalam mesyuarat sesi yang akan datang. Itu saja. *Okay*. Saya hendak teruskan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker kalau boleh...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau soalan yang sama, jawapan yang sama.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dengan tajuk yang sama terima kasih Dato' Speaker. Saya sendiri juga termasuk dalam Jawatankuasa tersebut dan satu (1) keputusan telah pun diambil dan kita kalau melihat dalam peraturan Dewan memang tidak dinyatakan *time frame* ataupun jangka masa perlu dibentangkan. Tapi isu ini melibatkan status hak dan kebebasan seseorang Ahli Dewan. Seharusnya disegerakan, dicepatkan supaya tidak terumbang-ambing ataupun tidak mendapat satu kepastian. Jadi kita mengikut *rule of law*...(dengan izin). Kita ada undang-undang dan peraturan. Walaupun kita disini tidak dinyatakan dengan jelas, tetapi kita kalau tidak disebut dengan terang mungkin LA baru boleh maklum. Kita ikut konvensyen ya. Dan konvensyennya ialah ia dibentangkan secepat mungkin supaya ia

dapat diputuskan dengan segera. Jadi saya dengan itu, saya mintalah ia, supaya benda macam ini tidak diulangi semula. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker, satu perkara. Bagi penjelasan ada kekeliruan. Kita tidak mencapai keputusan lagi. Hanya ulasan-ulasan sahaja diminta dan semua ADUN-ADUN yang hadir memberi ulasan-ulasan. Ketetapan masih belum dibuat lagi. Itu adalah untuk... (gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup untuk perkara ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Nampak ada perbezaan Dato' Speaker nak bawa benda ini di sidang Dewan akan datang, sedangkan wakil Delima kata belum buat keputusan ada ulasan yang mana satu Dato'? Nampak kurang keadilan dari sini yang telus Dato' ...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya saya tahu, saya faham soalan itu, maka kerana ia bersabit seorang Yang Berhormat yang telahpun dihantar ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kita perlu lebih serius melihat daripada semua aspek dan saya telah pun jelaskan bahawa saya perlu lagi masa untuk melihat dokumen-dokumen yang nanti akan bentangkan dalam meja oleh Dewan ini, tidak ada apa perkara-perkara yang lain selain daripada saya ingin melihat setiap laporan yang telah disediakan oleh urus setia dan saya harap perkara ini henti di sini sahaja. Tak ada apa-apa yang lain yang perlu kita bincang melainkan saya perlu masa untuk melihat dokumentasi-dokumentasi yang akan dibentang dalam Dewan ini kerana ini satu yang bersabit dengan seorang Yang Berhormat yang telah pun dihantar ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya perlu lebih serius tentang ini, so itu sahaja saya rasa saya bagi penjelasan yang sudah cukup tentang perkara ini saya ingin Dewan terus masuk ke sesi soalan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

YB. Dato' Speaker, saya rasa saya pun ada, saya minta izin sedikit sahaja saya minta izin untuk bercakap sikit mengenai dengan perkara ini sebab tadi saya nampak YB. Delima juga dibenarkan untuk berucap dan kita tahu bahawa YB. Delima pun berada dalam di jawatankuasa yang sama. Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan telah bermesyuarat beberapa kali dan pada akhirnya kita telah membuat satu keputusan dan syor untuk dibentangkan di dalam Dewan dan saya rasa perkara ini Dato' Pengerusi sebagai Dato' Yang Berhormat Dato' Speaker sebagai Pengerusi pada mesyuarat Jawatankuasa tersebut boleh memperakunya. Jadi saya pun tidak nampak kenapa dilewat-lewatkan *justice delay* ...(dengan izin), *is justice denied* jadi hak YB. Pinang Tunggal perlu juga dijagai dan saya rasa kita tidak boleh melenggah-lenggahkan perkara ini dan kita berharap supaya perkara ini dibentangkan dengan segera untuk keputusan dibuat. Jadi saya mohonlah saya mohon pada YB Dato' Speaker supaya kita bentangkan dalam penggal ini juga terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat apabila saya mendapat penjelasan daripada Penaga dengan kedudukan dan keadaan yang sedemikian. Saya tak mahu lah dengar apa yang Seri Delima sebut tapi di manakah letaknya kewibawaan saya? Mandat tugas dan tanggungjawab saya yang diamanahkan oleh rakyat, bukan main pilihan raya macam main pondok-pondok bukan, ya bukan saya dihadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan saya dengan rendah diri saya sebutkan tadi saya dengan rendah diri hadir dan apabila saya hadir saya buktikan dengan bukti-buktinya sekali. Saya beri dengan pelbagai penjelasan tetapi kalaulah dengan kedudukan dan keadaan yang sedemikian di mana yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Dato' Speaker, peringkat awal saya rasa macam dah boleh menerima apa yang telah Dato' Speaker sebut tetapi setelah Penaga mengeluarkan sebab Penaga juga ada dalam Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan di mana letaknya kewibawaan saya?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya rasa ini soalan yang terakhir, saya nak beri penjelasan sekali lagi iaitu semua ahli-ahli dalam jawatankuasa telah bermesyuarat dan mereka telah pun bermesyuarat beberapa kali seperti mana yang dimaklum dan kesimpulan itu telah di hantar tetapi saya maklum kepada Dewan ini kita perlu untuk membuat dokumentasi-dokumentasi untuk disedia, dibentangkan di dalam Dewan itu. Dalam proses ini saya perlukan sedikit masa untuk *go line by line* perkataan dan perkataan sebelum dia di hantarkan di sini dan tidak ada apa-apa yang perlu kita simpan lindung kerana semua telah ada dalam jawatankuasa termasuklah ahli-ahli pembangkang kita, so maka itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Kalau dah ada keputusan mengapa tidak...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Kalau dah ada dalam keputusan, mengapa penyata....(gangguan)

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Biar saya habis....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Itu tidak dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, kita menghargai Dewan yang mulia ini semua kita sebut menghargai so saya nak dengar ...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya hendak bagi jelas di sini, saya belum habis meneliti semua dokumen yang nanti kita nak putus dalam Dewan, itu sahaja. Tidak ada yang lain seperti yang mana ahli-ahli jawatankuasa yang telah bermesyuarat dalam jawatankuasa yang tersebut tak ada apa yang kita perlu apa nama lepaskan ini tetapi cumanya saya perlukan masa untuk *go through* yang lain-lain yang akan disediakan oleh urus setia itu sahaja. Saya rasa ini cukup untuk perkara ini. Soalan lisan diteruskan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker saya cuma nak tanya Dato'(gangguan)

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah cukup saya sudah jelas...(gangguan). Tak ada apa-apa, cuma masa saya...(gangguan). Cerita sudah mengakui sendiri, saya hendak berhenti...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sama ada sudah ada keputusan atau ulasan?...(gangguan) Makna sudah buat keputusan?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada. Cuma dokumentasi itu belum disediakan itu saja.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Keputusan itu sahaja, nak catit dalam Dewan ini, Dato' Speaker telah bersetuju telah buat keputusan bukan ulasan. *Confirm*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Acheh dan Ahli-ahli dalam Jawatankuasa semua sedia maklum itu tak payah ajar di sini. Saya nak teruskan dengan soalan lisan. Sila.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan yang pertama.

1. Sila nyatakan apakah status Draf Pelan Tempatan Pulau Pinang (Penang Local Plan). Bilakah Pelan Tempatan tersebut akan digazetkan?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal)

Dengan izin Dato Speaker, cuma sebelum saya mula saya ada dua perkara yang pertama saya ingat kita perlu hormatilah apa yang dinyatakan oleh Dato' Speaker tadi dia kata belum teliti lagi, belum semak lagi, belum selesai, baru dia akan bantah di dewan kita hormatilah seperti mana Penaga kata *justice delay is justice denied* tapi dari segi perundangan ada lagi satu lagi ungkapan *justice hurried is justice buried* so kita mesti timbang dua-dua perkara.

Yang kedua itu Dato' Speaker saya ingin sentuh rekod mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri untuk memberi satu pengebumian umum dengan memberi pengiktirafan negeri *public funeral* atau pengebumian rasmi dengan pengiktirafan negeri *public funeral with the state honour* kepada mendiang ayahanda saya dan keseluruhan keluarga saya begitu *we are very-very humble by the gesture of the state government ...* (dengan izin).

Saya teruskan Dato' Speaker kepada soalan saya iaitu berkenaan status draf pelan tempatan Pulau Pinang *Penang Local Plan* iaitu bilakah ia akan digazetkan. Dato' Speaker Rancangan Tempatan (RT) adalah merupakan satu rancangan statutori yang menterjemahkan dasar dan perancangan strategik rancangan struktur ke dalam bentuk peta cadangan guna tanah yang lebih terperinci bagi kawasan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan. Ia disediakan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan dan

diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri serta dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Penyediaan Rancangan-rancangan Tempatan (RT) juga tertakluk kepada keperluan Kerajaan Negeri dan oleh kerana ianya melibatkan pindaan-pindaan tertentu, maka tambahan masa diperlukan untuk disempurnakan sebelum pewartaan dapat dibuat dan Rancangan-rancangan Tempatan berkenaan dapat diguna pakai. Dalam masa yang sama, ianya juga perlu dirujuk dan dibincang secara mendalam bersama-sama ADUN Kerajaan Negeri yang berkenaan dan proses ini agak memakan masa. Di samping itu juga ia perlu dipinda selaras dengan dasar-dasar terkini pembangunan negeri dan hanya akan dipamerkan setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri setelah perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan diambil kira dan dimasukkan ke dalam Rancangan tersebut.

YB. Dato' Speaker, Rancangan Tempatan Pulau Pinang bahagian (Pulau) 2020 kini di peringkat draf akhir dan masih dalam pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri untuk dibuat publisiti awam. Draft Akhir Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 telah diluluskan oleh MPPP pada 22 Disember 2008. Draft ini dibentangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam beberapa siri mesyuarat iaitu 14 dan 21 Januari 2010, 17 September 2010, 27 Januari 2012 dan akhirnya 14 Februari 2012.

Bagi Rancangan Tempatan Pulau Pinang tersebut YB. Dato' Speaker, dijangka dapat diberikan kepada orang awam tidak lama lagi memandangkan terdapat beberapa pindaan yang perlu diselaraskan dan dimasukkan dalam draft Rancangan Tempatan berkenaan dengan mengambil kira Rancangan Kawasan Khas, Kawasan Tapak Warisan Dunia George Town dan juga Rancangan Kawasan Khas Taman Botani yang sedang dalam peringkat akhir. Penyediaannya iaitu untuk yang pertama (RKK) atau Rancangan Kawasan Khas Kawasan Tapak Warisan Dunia George Town. Ia sudahpun di peringkat akhir YB. Dato' Speaker, iaitu ia telah pun disediakan tapi penyediaannya dalam Bahasa Inggeris kerana merangkumi banyak isu teknikal *analyst rather volumes* dan ia perlu satu penterjemahan dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia kerana ini adalah diperlukan dan di sisi undang-undang untuk maksud pewartaan. Manakala untuk Rancangan Kawasan Khas Taman Botani yang menunggu laporan terakhir daripada perunding dan saya difahamkan tidak lama lagi untuk pembentangan kepada Jawatankuasa

Perancangan Negeri dan setelah itu juga akan perlu diterjemahkan dari bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia untuk tujuan perwartaan selepas keputusan Jawatankuasa Perancangan Negeri. Sekian Dato Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila..

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Saya berpendapat semakin lewatnya rancangan tempatan diwartakan semakin kekeliruan akan timbul dalam pembangunan di dalam Pulau Pinang ini. Saya mengambil contoh daripada Tanjung Bungah dan saya diberi faham oleh ADUN Tanjung Bungah bahawa terdapat beberapa permohonan perancang yang di mana melibatkan pembangunan sampai ke 50 tingkat atau lebih ketinggiannya bangunan di tepi pantai atau di lereng bukit di kawasan Tanjung Bunga atau di kawasan Batu Feringghi di mana kesemua pembangunan ini telah dibantah dengan keras oleh ADUN tempatan dan majoritinya penduduk, tetapi oleh kerana tiada di rancangan tempatan yang diwartakan kesemua pembangunan perancang ini telah di hantar ke MPPP untuk kelulusan dan ada juga permohonan melibatkan pembinaan SOHO, di mana kita sedia maklum bahawa SOHO telah dibekukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, namun masih ada lagi permohonan untuk SOHO telah dihantar ke pihak MPPP.

Ketiadaan rancangan tempatan telah menyebabkan satu keadaan yang tidak konsisten di mana kadang kala zon pertanian pun boleh ditukar (dengan izin)... *rezoning* sebagai ADUN perumahan untuk membina kondominium-kondominium yang mewah, sebenarnya kawasan yang mempunyai nilai-nilai alam sekitar yang tinggi seperti kawasan hutan kawasan tepi pantai atau kawasan sensitif terhadap alam sekitar mesti perlu dikekalkan. Oleh kerana ketiadaan pelan tempatan pemaju mempunyai *freehand* untuk membina sesuatu projek yang dapat ...(gangguan), sekejap, sekejap, untuk memaksimumkan keuntungan dan kita boleh nampak sebab kondominium yang tingginya tiga puluh tingkat boleh dibina di tepi kawasan *low rise*.

Untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya antarabangsa sesuatu pelan tempatan mestilah dipercepatkan, tadi Yang Berhormat Datok Keramat menyatakan bahawa kelewatan *delay* rancangan tempatan ini adalah kerana RKK George Town Tapak Warisan dan RKK Taman Botani. Jadi soalan saya bilakah RKK George Town tapak Warisan dan RKK Taman Botani ini mulai dibincangkan, sebab dalam pengetahuan saya Akta Bandar dan Perancangan Desa yang jelas menyatakan bahawa rancangan tempatan mempunyai hierarki yang lebih tinggi daripada RKK. Oleh yang demikian bolehkah Kerajaan Negeri memberi satu *time frame* yang lebih *specific* bilakah ini rancangan tempatan ini dapat diwartakan. Terima kasih

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Paya Terubong. Saya setuju sepenuhnya dengan Paya Terubong bahawasanya untuk melestarikan pembangunan perlu adanya satu draf atau pelan tempatan itulah sebab kita ada satu draf yang sedang dimuktamadkan, tetapi saya bersetuju ada kelewatan dan salah satu perkara yang dibangkitkan apabila ada isu kelewatan mungkin ada draf yang dicadangkan tersebut *maybe out of date, this is one of the problem*(dengan izin) tetapi apa yang dicadangkan untuk diambil kira dalam kedua-dua RKK tersebut yang adalah *up to date*. So oleh itu kita hendak ia dimuktamadkan dahulu dan untuk menjawab soalan Paya Terubong berkenaan status dia saya boleh kata sepertimana saya nyatakan tadi untuk RKK Bandar Raya George Town memang telah pun siap. Cuma isu dia untuk mewartakan perlu diterjemahkan dan salah satu isu yang kita alami adalah kos penterjemahan, itu pun kita telah atasi dan sekarang telah pun diberi kepada penterjemah untuk diterjemahkan dan saya beri jaminan di sini bahawa pejabat saya akan cuba untuk *expedite* penterjemahan tersebut. Sama juga dengan perunding untuk RKK Taman Botani tersebut kita akan cuba dapatkan memuktamadkan ia dengan secepat mungkin tetapi berbalik kepada beberapa isu yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Paya Terubong berkenaan apa yang dinyatakan oleh rakan saya dari Tanjong Bunga berkenaan pembangunan di lereng bukit di Tanjong Bunga, di mana ada pembangunan di kawasan-kawasan yang cerunnya tinggi dan cerun kelas melebihi kelas satu (1) ataupun kelas dua (2) tetapi biar saya beri jaminan bahawa setakat ini Kerajaan Negeri mempunyai satu polisi di mana pembangunan tidak dibenarkan di atas 76 meter atau pun 250 kaki. Ini nombor satu (1), dan juga untuk kelas

tiga (3) dan kelas empat (4) memang tidak dibenarkan kecuali syarat-syarat yang ketat dapat dicapai, itu satu nombor dua, berkenaan dengan isu SOHO setuju dengan rakan saya daripada Paya Terubong memang ia semua permohonan untuk SOHO sekarang telah pun dibekukan ini adalah memandangkan Kerajaan Negeri prihatin kepada beberapa masalah yang dialami oleh penduduk-penduduk yang telah membeli unit-unit SOHO tersebut dan kita sedang mengkaji bagaimana kita boleh memperbaiki sistem tersebut dan oleh itu sementara waktu kita memuktamadkan polisi ataupun garis panduan baru berkenaan SOHO ini semua permohonan SOHO telah pun dibekukan. Sekian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, RKK adalah RKK yang ketiga dalam perancangan *local plan* dan RKK selain daripada yang dua, ada lagi tak RKK-RKK lain yang dibuat di kawasan-kawasan lain sebab. Ini saya lihat hanya menjurus kepada *heritage* dan botani ada RKK lain yang dibuat di Seberang Perai dan kawasan-kawasan lain di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Berkenaan soalan tersebut saya berpendapat ada draf untuk daerah-daerah di Seberang Perai juga yang dalam proses juga. Saya tiada tarikh-tarikh tersebut dengan saya sekarang, tetapi saya dapat berikan tarikh-tarikh tersebut kepada rakan saya dari Pulau Betong nanti. Ada-ada ketiga-tiga daerah pun ada pelan mereka tersendiri dan saya akan kemukakan nanti apa prosesnya. Sekian.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Speaker difahamkan sepatutnya pelan tempatan diwartakan pada 2010 atau 2011 tapi ditangguhkan dengan alasan yang diberikan oleh YB. Datok Keramat tapi saya nak nasihatkan Kerajaan Negeri bahawa lebih baik percepatkan pewartakan ini, kalau tak ada saya kita semua tahu, pemaju mengambil kesempatan kelewatan ini untuk mendesak Kerajaan meluluskan pembangunan terutamanya di kawasan lereng bukit dan juga di rezab pantai, seperti tadi dikongsikan oleh rakan saya, ada empat (4) permohonan dan lebih lagi serta dimohonkan di lereng bukit dan juga rezab pantai untuk permohonan pembangunan bertingkat dan ini adalah tidak di...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tanjong Bunga soalan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalannya kalau kita cepatkan pelan tempatan ini kesempatan ini tidak akan diadakan dan mungkin spekulasi rumah tidak akan berlaku dan rumah harga akan terkawal dan ini mungkin boleh dijelaskan oleh YB. Datok Keramat dan juga kesempatan yang misalnya diambil contohnya Yang Arif di mana satu kes ada kontroversi sudah diluluskan aliran dua di Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sebelum saya menjawab pada rakan saya dari Tanjong Bunga, saya balik kepada rakan saya dari Pulau Betong saya sememangnya ada jawapan di sini dan saya akan jawab sekarang. Berkenaan Rancangan Tempatan Daerah di Seberang ada terdapat 3 rancangan tersebut yang adalah di bawah pengurusan bersama oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dan JPBD, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Pulau Pinang dan status perkembangan saya bincang tentang Seberang itu saya ambil soalan tadi. Statusnya yang terkini iaitu RTD SPU dan RTD SPT adalah dalam peringkat pertimbangan Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Tempatan manakala status RTD SPS adalah dalam peringkat pindaan draf akhir untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Perancang Negeri, RTD.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

RKK bukan RTD adalah rancangan tembatan banjir, dan RKK adalah Rancangan Khas Kawasan benda yang berbeza Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Berkenaan Seberang Perai apa yang kita ada ialah Rancangan Tempatan Daerah

dan ini status dia yang saya ingin beritahulah, RTD, so saya ingin sambung tadi RTD SPU dan RTD SPT pula akan diwartakan setelah Jawatankuasa Siasatan Tempatan Bantahan Awam telah bantahkan *show* bantahan awam dengan presentasi Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusan dan laporan tersebut akan dipinda dan dibentangkan semula pada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusan sebelum diluluskan oleh pihak berkuasa Negeri untuk diwartakan selari dengan Seksyen 15 Akta Perancang Bandar dan Desa dan saya ingat selain daripada RKK Bandar Raya George Town yang saya sebut tadi dan Taman Botani ada juga RKK Bukit Bendera yang mana saya percaya RKK Bukit Bendera tapi ini di Pulau, RKK Bukit Bendera tersebut sepertimana diumumkan awal tahun ini telah pun dibuka untuk publisiti awam dan bantahan-bantahan telah pun diterima dan sedang pun dikajilah. Itu status dia Pulau Betong. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan lisan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Speaker, soalan saya tidak dijawab.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor dua.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Tanjong Bunga, *yes of course* kita prihatin kepada apa Tanjong Bunga kata kita perlu mendengar laungan-laungan daripada Tanjong Bunga berkenaan polisi-polisi Anti-Green. Kita beri jaminan di sini semua pelan-pelan pembangunan daripada pemaju-pemaju mesti mengikut garis panduan. Garis panduan yang wujud ini seperti mana saya

nyatakan tadi melibatkan antara lain berkenaan pembangunan di cerun bukit, kita tidak benarkan lebih daripada 76 meter, tidak benarkan kelas tiga (3), kelas empat (4) melainkan ada syarat-syarat yang begitu ketat. So tadi ada satu contoh spesifik yang saya dengar iaitu Alilatu di Tanjong Bunga, saya ditangan saya sekarang saya mungkin tiada jawapan tersebut tetapi saya janji nanti akan dapat maklumat dan *respond* dari Tanjong Bunga.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor dua (2).

2. Apakah sebab-sebab yang menyebabkan warga emas tidak dapat menerima bantuan kebajikan warga tua berjumlah RM300 pada bulan Mac 2014?
 - (a) Sila nyatakan, berapa kalikah masalah ini berlaku sejak tahun 2008 sehingga 2014.
 - (b) Sila jelaskan sebab-sebab dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengelakkan masalah ini berulang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya nak jawab soalan nombor dua (2). Bantuan kebajikan warga tua RM300.00 yang diberi secara bulanan dikenali sebagai bantuan orang tua atau BOT yang diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). JKM Negeri Pulau Pinang kini telah mengalihkan daripada sistem ISBBK atau Sistem Bayaran Bantuan Kebajikan kepada sistem e-Bantuan, Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan mulai 1 Mac 2014. Peralihan sistem ini adalah sebahagian daripada proses transformasi jabatan ke arah pelaksanaan Pusat Tanggungjawab Khas (PTJK) iaitu e-Bantuan di mana

daerah-daerah akan melaksanakan sendiri pengurusan kewangan berkaitan dengan bantuan kebajikan. Oleh yang demikian fasa peralihan ini akan memberi kesan kepada kelancaran bayaran yang di mana terdapatnya kes-kes penerima bantuan yang tidak dapat dibayar sebab oleh kemasukan kes yang belum dibuat dalam sistem e-Bantuan dan perubahan kepada nombor akaun Giro penerima bantuan. Namun begitu kes-kes yang tidak dapat dibayar menerusi ke arah ini mereka akan segera dibayar bantuan segera secara EFT atau *Electronic Fund Transfer*.

Seterusnya jabatan menerima senarai penerima yang gagal dibayar kepada pihak bank Simpanan Nasional atau BSN. Kelarian sistem ISPBK kepada e-Bantuan baru dilaksanakan pada bulan Februari 2014 masalah kelewatan bayaran hanya berlaku dalam bulan Mac 2014. Selepas ini masalah kelewatan dapat diselesaikan, masalah ini berlaku kerana kemasukan kes ke dalam sistem e-Bantuan belum dilaksanakan secara menyeluruh dan perubahan kepada nombor akaun menyebabkan kes-kes yang lewat bayaran bantuan. Namun begitu jabatan telah melaksanakan bayaran beberapa segera kepada kes-kes ini sejurus menerima senarai kes penerima bantuan dan tidak dapat dibayar oleh pihak bank atau daripada laporan daripada ADUN atau aduan daripada ADUN kami telah selesaikan masalah ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, terima kasih, cuma saya ingin dapat penjelasan daripada Sungai Puyu peruntukan untuk (BOT) Bantuan Orang Tua yang berjumlah RM300 sebulan sama ada peruntukan ini dari Pusat atau Negeri? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih, saya amat hairan bahawa Ahli Yang Berhormat dia biasa kerja di Pejabat Daerah orang yang begitu berpengalaman dan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, saya buat soalan jawablah, ini cerita lama Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, ini soalan lama. Ini soalan lama.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya tanya satu jawab satulah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis tanya, biar dia jawab.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dia jawab panjang, saya tanya pendek.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau takut jangan tanya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawapan yang jelas bagi sudah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Baik pun kewangan ini datang daripada Negeri, baik pun kewangan ini datang daripada Kerajaan Pusat ini pun wang rakyat juga. Ini wang ini daripada cukai yang dikutip dari rakyat dan bagi balik kepada rakyat apakah salah itu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya tanya Pusat atau Negeri. Saya tanya tak jawab.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Mana tak jawab? Koreklah telinga sikit.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Mana jawab.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Wang rakyat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, cuma saya tertarik dengan apa yang disampaikan tentang sistem baru. Cuma apa yang saya dapati di kawasan-kawasan Sungai Dua khususnya ada orang tua-tua yang tidak mampu dari sistem borang semakan semula yang perlu diisi oleh pihak penerima bantuan. Orang tua-tua tak mampu nak pergi pejabat, kadang-kadang , ada masalah sakit dan sebagainya adakah satu kaedah yang boleh diboleh dilaksanakan supaya memudahkan orang yang uzur ini, orang yang tak mampu untuk ke pejabat. Mungkin pihak JKM boleh menggunakan satu kaedah khusus supaya memudahkan penerima ini menerima mengisi borang semakan dan sebagainya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya. Memang selepas teguran daripada *Audit General*, bahawanya semua kes-kes pada kini adalah untuk satu (1) tahun saja dan selepas itu adalah kehendak dimasuk borang semakan semula. Dan ini adalah tugas ADUN kawasan, jikanya dia kata susah ini,

susah nak, apa yang ADUN kawasan sedang membuat, *you* tahu itu orang susah itu orang uzur sudah tahu sendiri punya KADUN masuklah pi tolong dan untuk ambil kewangan adat-adat yang tertentu pihak berkuasa pihak JKM juga turun padang untuk buat semakan dan juga buat bayaran di sana iaitu kena ada maklum balas daripada ADUN kawasan jikanya khas-khas dari sungai dua tidak bagi kerjasama pada JKM, JKM macam mana nak tau kata ada masalah di Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

di Sungai Dua inilah yang paling saya rasa di SPU boleh confirmkan dengan (tidak jelas) sunga dua ni lah paling banyak kes yang kita bantu jadi saya nampak ada lagi kes-kes yang tertinggal kalau boleh ada satu pendekatan khas untuk yang uzur ni kadang kita tak maklum bila dah maklum dah tiga bulan tidak dapat bantuan jadi timbul masalah kepada penerima bantuan ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya minta ADUN kawasan Sungai Dua beri nama senarai, alamat saya akan hantar pegawai untuk turun padang untuk siasat. Y.B Speaker: okey, soalan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih diatas jawapan YB dari Sungai Puyu dan boleh ke saya dapat tahu mulai tahun 2008 sampai 2014 sudah berapa kali kes kelewatan pembayaran kes ini berlaku dan adakah pihak Kerajaan Negeri memanjangkan masalah tersebut kepada pihak-pihak jabatan-jabatan yang berkenaan supaya masalah ini tidak berulang lagi dan boleh memberikan bantuan tersebut kepada orang yang memerlukan dengan lebih lancar.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang saya akui bahawa terdapat beberapa kes-kes tertentu iaitu kes ini yang dibangkit oleh Pengkalan Kota adalah kes-kes tertentu di mana ada orang yang tidak dapat kerana pengagihan tetapi apa yang sebelum 2013 ada kes-kes tertentu di mana

ada orang tertentu main politik arahan telah dibagi kepada JKM supaya B.O.T jangan bayar dulu kerana mereka nak buat majlis itu adalah khasnya banyak adalah sebelum pilihanraya 2013 itu ada banyak masalah dan saya telah minta JKM bahawa JKM kebajikan tidak boleh terlibat dengan politik dan jikanya sesiapa nak arah JKM kerana kepentingan politik sendiri khasnya dari Barisan Nasional bagi memo panjangkan kat saya, saya ketuk ketuknya dekat kepala, orang miskin lagi nak buat macam ni. Y.B. Speaker: soalan lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang diPertua Dato' Speaker soalan saya soalan ketiga, terima kasih.

3. Adakah kejadian kehilangan pesawat MH370 kepunyaan MAS membawa apa-apa kesan atau impak tidak baik kepada Negeri Pulau Pinang terutamanya daripada sudut kemasukan pelancong asing khususnya daripada Negara China.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Dato' yang dipertua saya jawab untuk soalan yang ketiga sejak kehilangan pesawat MH370 Pulau Pinang pada hakikatnya memang alami masalah kekurangan ketibaan pelancong dari Negara China tinjauan keadaan melalui hotel-hotel dan agen-agen pelancongan mendapati bahawa banyak rombongan-rombongan pelancong China telah membatalkan lawatan ke Negeri Pulau Pinang.

Untuk pengetahuan Ahli Dewan, mengikut statistik daripada pihak lapangan terbang antarabangsa Pulau Pinang jumlah kedatangan pelancong Negara China ke Pulau Pinang adalah minima iaitu sebanyak 55 612 sahaja jumlah ini tidak memberi kesan yang ketara kepada sektor pelancongan Pulau Pinang kerana kita mempunyai kedatangan pelbagai pelancong asing .Berikut adalah pecahan kemasukan pelancong asing ke Pulau Pinang pada tahun 2013 mengikut lapangan terbang antarabangsa Pulau Pinang:

No.	Negara	Bilangan Pelancong
1	Indonesia	292,145
2	Singapura	131,130
3	Cina	55,612
4	Jepun	31,297
5	USA	21,796
6	Taiwan	21,779
7	Australia	20,334
8	United Kingdom	18,684
9	Thailand	18,169
10	India	7,395

dan sebagainya. Tambahan pula bagi hotel-hotel di kawasan batu Feringghi jumlah terbesar pelancong luar negara adalah dari negara-negara Arab seperti Saudi Arabia, Oman, Qatar dan Iran dan lain-lain UAE.

Kekurangan pelancong asing dari Negara China dijangka akan berlarutan sehingga bulan jun tahun ini akan tetapi pada bulan julai seramai 2,500 orang kumpulan insentif dari Negara China akan melawat Pulau Pinang ini mungkin akan membawa sedikit sebanyak mengubah situasi kedatangan pelancong China ke Pulau Pinang.

Tambahan pula, musim cuti sekolah Negara China atau *summer holiday* ...(dengan izin) akan bermula pada bulan Ogos hingga september oleh itu kita menjangka pelancong-pelancong Negara China akan kembali bercuti di Pulau Pinang.

MMK pelancongan Pulau Pinang sentiasa mengambil berat untuk menggalakkan pelancong asing Negara China ke Pulau Pinang dengan kerjasama *tourism* Malaysia kontinjen Pulau Pinang akan menyertai Guangdong Expo di Guangzhou, China pada akhir bulan Ogos di mana kita sama-sama dengan *tourism* Malaysia *booth tourism* Malaysia pada bulan September pula Kerajaan Negeri menghadiri sebuah Expo di Beijing sebagai usaha mempromosi Pulau Pinang dan juga mengubah persepsi pelancong Negara China.

Pada masa yang sama pelbagai promosi di destinasi lain seperti di Singapura, Indonesia, Hong Kong, UAE baru habis dan sebahagiannya dilaksanakan untuk

memperkenalkan *diversity*(dengan izin) sasaran pelancong asing ke Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan, tidak dinafikan kehilangan pesawat MH370 ini telah memberikan impak kepada industri pelancongan di Pulau Pinang. Soalan saya adakah yang berhormat bersetuju atau soalan saya adalah mungkin faktor kekurangan pelancong Negara China secara amnya dan negara-negara lain disebabkan oleh persepsi bahawa Kerajaan Persekutuan telah gagal menangani isu kehilangan pesawat ini dengan baik kerana kita mendapat maklumat melalui liputan surat khabar dan juga televisyen bahawa sanak saudara keluarga yang hilang yang menerima makluman dari masa ke semasa tidak begitu berpuas hati ada juga laporan-laporan ketegangan semasa rundingan-rundingan dan perbincangan-perbincangan ini diadakan adakah kemungkinan persepsi yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengendalikan masalah ini dengan elok juga menyumbang kepada faktor kekurangan pelancong daripada negara asing khususnya China, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Dato' Yang di-Pertua untuk menjawab soalan ini memang selepas tragedi MH370 saya ada berpeluang di Guangzhou menjumpai agen-agen pelancongan di sana dan salah satu faktornya mereka tidak puas hati adalah maklumat-maklumat yang diberitahu kepada keluarga mangsa ini lambat dan mungkin ada siaran dari surat khabar dan TV sehingga merebak berita ini bukan sahaja di Beijing tetapi di *province-province* lain seperti Shanghai, Guangzhou, Siangham dan sebagainya jadi sedikit-sedikit agen pelancongan ini berkumpul dan jadi besarnya impaknya besar sehingga banyak kelak rombongan-rombongan batal ke Pulau Pinang memang kita tau banyak sekali rombongan China ini ke Malaysia adalah yang pertama di Kuala Lumpur, yang kedua di Sabah, Pulau Pinang hanya kedudukan yang ketiga yang mendapat impak yang besar sekali adalah seperti negeri yang saya sebutlah. So memang adalah mereka rasa tidak puas hati salah satu faktor maklumat yang tidak disampaikan dengan cepat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

seterusnya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker tadi yang berhormat Batu Lancang menyebut kedatangan pelancong daripada China adalah lebih kurang 55 ribu orang dan saya melihat mengikut perangkaan pelancong 2012 adalah sebanyak 43,000 orang meningkat bukan dalam 10,000 orang tapi saya melihat jumlah kedatangan pelancong daripada Indonesia dan Singapura walhal yang berhormat Batu Lancang jarang sekali buat promosi di Indonesia, jarang sekali buat promosi di Singapura tetapi lebih banyak kali pergi ke China hanya untuk menambah lebih kurang dalam 10,000 orang sahaja padahal di Indonesia datang seramai 292,000 orang jarang sekali atau mungkin tidak ada langsung promosi di Indonesia ini bermakna pelancong datang bukan kerana Pulau Pinang sahaja kerana faktor-faktor lain jadi saya rasa tak berbaloi kalau *you all* pergi ke China begitu *often* selalu kerap ke China bermakna jumlah pelancong-pelancong yang datang ke sana lebih ramai lagi, bukan sekadar 55,000 sahaja dan yang keduanya saya melihat kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bahawa pengurangan sebanyak 55 ribu pelancong daripada China adalah satu jumlah yang agak besar jumlahnya dan saya rasa keyakinan ini bukan sahaja memberi kesan kepada penduduk China bahkan pada pelancong lain di seluruh dunia dan apabila saya melihat yang berhormat ketua menteri sendiri pergi ke ITB Yang Berhormat tidak pergi yang saya faham pula di ITB pula kita berkongsi *booth* dengan *tourism* Malaysia dulu kalau saya pergi saya bawa satu booth untuk Pulau Pinang dan *booth* Pulau Pinang dan ini kita menumpang so sepatutnya saya rasa kita ada booth sendiri di ITB untuk mempromosi Pulau Pinang dan yang berhormat Batu Lancang sendiri berada disana untuk berjumpa dengan penumpang-penumpang dan sebagainya untuk membawa pelancong daripada negara lain kerana mengalami kekurangan sebanyak 50% ada pada Negera China.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Saya ingat banyak jawapan yang kita jawab yang salah satu kita bukan tidak

membuat promosi di Indonesia memang setiap tahun kita buat promosi di Indonesia bukan saja pelancongan tetapi juga dari industri juga pasaran Medan tiap-tiap tahun kita akan mengambil bahagian di pasar raya Medan dan juga kita kena ucap ribuan terima kasih kepada sektor hospital di mana mereka pun banyak buat promosi dengan sendiri *that's why* ...(dengan izin) kita dapat pelancong dari perubatan banyak datang ke Pulau Pinang dengan itu promosi yang baik dan juga kita buat advertisement di iklan-iklan di Air Asia di mana mereka banyak kapal terbang, terbang ke Indonesia dan juga buka laluan yang baru dari Surabaya ke Pulau Pinang itu semua adalah pasaran dan juga promosi di sana dan untuk mengambil bahagian dalam ITB di Berlin baru-baru tahun ini di mana Ketua Menteri juga membawa Pengurus Besar dari Penang Tourism, Penang Global Tourism pelancongan bukan saya mesti pergi tak perlu kita ada agen-agen dan hotel-hotel yang juga mengambil untuk promosi di Pulau Pinang saya baru-baru pergi dengan tourism Malaysia di mana menteri pelancongan juga menghadiri di arab travel mark so kita bukan setiap kali kena pergi kita ada agen-agen dan hotel-hotel.

Saya rasa Yang Berhormat Pulau Betong kena faham di mana *Tourism Malaysia* kita pergi ke luar negara kita dari satu (1) satu (1) *booth* bukan sahaja kita, kalau kita *separate* dari,...(dengan izin), *separate* dengan dari *Tourism Malaysia*, kita akan diasingkan. So, kita tak boleh, juga kita boleh jimat dalam kos kita dengan pembayaran kos yang besar ditanggung oleh *Tourism Malaysia* kita dapat promosi yang banyak tetapi kos yang rendah. Itulah yang kita mau.

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya, soalan lisan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Yang Berhormat Dato' Speaker, Soalan nombor empat adalah soalan saya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dengan izin Dato' Speaker, terima kasih Jawi. Untuk soalan yang dihadapkan kepada saya iaitu berkenaan program HAPPY di Pulau Pinang iaitu *Housing Assistant*

Program Penang Yes iaitu HAPPY. Saya ingin jawab dengan memberi sedikit latar belakang bagaimana tabung ini diwujudkan iaitu setelah Kerajaan Persekutuan memperkenalkan tabung penyelenggaraan satu Malaysia iaitu TP1Malaysia untuk projek-projek penyelenggaraan untuk rumah-rumah kos rendah dan rumah-rumah kos sederhana rendah di mana melalui program persekutuan tersebut mereka akan memberi 70% dan 90% masing-masing untuk perumahan kos sederhana rendah dan perumahan kos rendah. di mana baki dia iaitu 30% untuk kos sederhana rendah dan 10% untuk kos rendah hendak ditampung dan dibiayai oleh penduduk projek-projek yang berkenaan.

Jadi, apa yang berlaku ialah walaupun Kerajaan Persekutuan ingin membantu menghulurkan bantuan dari segi kewangan untuk *absorb* kos penyelenggaraan tersebut dengan memberi 70% dan 90% masing-masing penghuni-penghuni ataupun penduduk-penduduk projek-projek tersebut masih perlu membiayai baki iaitu 30% ataupun 10%. Jadi, apa yang berlaku Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang begitu prihatin terhadap beban ke atas penghuni-penghuni di projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah ini, kita telah tubuhkan satu tabung iaitu tabung HAPPY tersebut. di mana kita begitu prihatin terhadap beban di atas bahu mereka sehingga kita kata tak payah satu sen pun kita keluar. 10% tersebut, 30% tersebut kita akan biayai itu apa Kerajaan Negeri Pulau Pinang buat. Kita tak mahu beban rakyat yang duduk di dalam perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah.

Jadi, ini program Persekutuan yang di *supplement* ...(dengan izin) nyatakan oleh Kerajaan Negeri ini satu program yang murni. Kita daripada tahun 2012 apabila TP1Malaysia diperkenalkan telah menerima banyak permohonan daripada projek-projek di bahagian pulau dan juga di bahagian seberang iaitu saya percaya dalam 116 projek kesemuanya kedua-dua belah tetapi malangnya Dato' Speaker, saya tak tau sama ada main politik atau tidak, saya tak mau kata lah, saya tak tau sebab dia, tetapi fakta dia ialah, daripada 116 projek ini setakat bulan Disember tahun dahulu cuma dua sahaja yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu satu perumahan bertingkat di Taman Sungai Batu dan satu di Flat Taman Haji Mohd Amin di mana mereka memberi bahagian dia iaitu 90% dan kita biayai 10%. tiada beban ke atas penduduk-penduduk. Apa jadi pada baki dia Dato' Speaker?

Daripada bulan Disember apabila saya nampak betapa perlahan permohonan-permohonan ini dipertimbangkan oleh Kerajaan Persekutuan, saya telah tulis banyak surat peringatan kepada Kerajaan Persekutuan iaitu ICU di Jabatan Perdana Menteri untuk mereka mempercepatkan pertimbangan permohonan-permohonan tersebut kerana kerana TP1 Malaysia adalah untuk projek-projek kritikal. Ia adalah berkenaan tangki air ataupun sistem pendawaian yang perlu ditangani kerana penduduk tersebut tak boleh, *they can't afford*, tak mampu jadi oleh itu kita adalah TP1Malaysia di *supplement* oleh Happy tapi langsung tak dipertimbangkan dengan cepat dan yang *at the speed required*, ...(dengan izin), *because of the critical nature* of the program. Jadi, beberapa peringatan saya ada hantar, *in fact*, rakan saya daripada pembangkang iaitu daripada sungai dua ada tulis satu surat kepada Kementerian Perumahan yang berkenaan iaitu Dato' Abdul Rahman Dahlan dan minta supaya merujuk kepada surat saya dan minta supaya ditangani. Surat ini adalah daripada *way back* di bulan Julai 2013 apabila saya bangkitkan untuk kali pertama sekarang sudah hampir satu tahun. *This letter is not from me. My* peringatan *is numerous*, ...(dengan izin), *I don't know item here, numerous here* kerana ia dirasai oleh pembangkang juga. Kawasan mereka juga terlibat, *so*, dia pun minta tetapi sehingga sekarang langsung tidak ada apa-apa pergerakan dan saya haraplah Sungai Dua tidak dikenakan apa-apa tindakan *disciplinary* atau memohon maaf dan sebagainya sepertimana kita lihat apabila Menteri Joseph Entulu Belaun nyatakan ruangan kaum borang rasmi akan dihapus, tiba-tiba pada hari kemudiannya Perdana Menteri kata ruangan kaum kekal dan beliau mohon maaf pula. Tak ada kata sehaluan di pihak Barisan tetapi saya ucapkan terima kasih pada Sungai Dua kerana telah menulis surat tersebut.

Dato' Speaker saya ingin melaporkan satu perkara pada hari ini, penting berkenaan projek ini. Setelah dua projek tersebut diluluskan yang saya nyatakan tadi, baru-baru ini iaitu melalui surat bertarikh 9 April 2014 daripada ICU Jabatan Perdana Menteri kepada kedua-dua PBT Kerajaan Negeri kita dapat satu (1) surat kita dapat satu (1) surat yang nyatakan dalam kita sedang dalam proses mempertimbangkan kelulusan, bukan kita telah meluluskan, kita dalam proses mempertimbangkan kelulusan. *That is the wording in the letter*, 40 projek lagi daripada baki 40 projek iaitu 23 di Pulau dan 17 di bahagian Seberang. Saya ada senarai tersebut dan saya ingin menyerahkan kepada Dato' Speaker untuk di *exhibit* kan dalam hansard senarai tersebut. Kerana ini penting Dato' Speaker, kerana kekhuatiran dan kebimbangan saya apabila saya mintak ICU Jabatan Perdan

Menteri untuk jawab dengan cepat kerana ini projek-projek kritikal adalah ini. *This is the reason.* Sekiranya saya bagi contoh perlu tangki air ataupun bumbung dibaiki hari-hari hujan *you know problem, that is flood, that is water problem because of the water tank. It is a daily critical problem.*

Penghuni datang ke pejabat saya, mereka tahu Negeri Pulau Pinang selain daripada HAPPY yang menampung TP1Malaysia kita juga ada program 80-20. *we also have a tabung 80:20 sepertimana dinyatakan ucapan T.Y.T. pagi tadi. This year is 11.3 million, from last year budget 2014,* di mana melalui tabung tersebut, kita bagi 80, tetapi penghuni terpaksa membiayai 20. *They still have to come up with the balance of the 20%. which means they will have to be burden,* mereka akan dibeban, walhal kita boleh tolong. *I give you project "X", project "X" terlalu terdesak, YB. please help us, we cannot wait for the TP1Malaysia anymore.* Saya kata ini tahun akhir tahun dahulu kerana saya bimbang. Okey, saya tolong *project "X",* saya bagi RM80,00.00. Mereka tampung 20%, apa yang berlaku 2 minggu hadapan TP1Malaysia jawab, kita setuju, apa yang akan berlaku? Akan adanya pembaziran dana awam. *There will be a wastage of public fund. My fears were not unfounded because* daripada dua (2) salinan ini yang saya berikan tadi, saya rujuk kepada satu projek iaitu projek di kawasan Pulau, *number 5, Taman Pinang, Jalan Sungai Pinang.* Ini ada permohonan di bawah TP1Malaysia yang baru-baru ini melalui surat April tersebut memperkatakan akan dipertimbangkan untuk diluluskan tetapi Taman Pinang, Dato' Speaker mereka telah jumpa saya pada awal tahun ini kerana terdesak, tak boleh tahan kerana bumbung mereka perlu diganti dan saya luluskan 80%. RM155,000.00 ini kisah benar saya bagi tahu, saya marah tahu, *I'm angry because of this. I very concern and it happened.* RM155,000.00 mereka terpaksa bayar 20%, iaitu RM31,000.00 Dato' Speaker, dan kita biayai 80%. Tiba-tiba ada surat ini. Jadi, apa sudah berlaku akibat kecuaiian, kelewatan Kerajaan Pusat, apa sudah berlaku? Ini telah berlaku, penduduk di Taman Pinang, *a low cost flat,* penduduk yang dibebani bahu mereka terpaksa keluar RM31,000.00, adakah tidak adil ini, saya kata tidak adil kerana kecuaiian dan kelewatan di pihak Kerajaan Pusat.

Jadi, saya berpendapat, saya telah minta Pejabat Kewangan Negeri untuk menulis satu surat kepada Kerajaan Pusat menyatakan kronologi kes Taman Pinang ini dan minta supaya RM31,000.00, dibayar balik kepada penduduk-penduduk Taman Pinang. *So, there will put on the same position as if TP1Malaysia had been approved, because it would be*

unfair otherwise, dan sekiranya kerajaan pusat tidak menjawab dengan positif saya bercadang, Dato' Speaker memandangkan Kerajaan Negeri telah memberi kenaikan gaji kepada semua ADUN, saya cadangkan supaya ADUN-ADUN Barisan Nasional bayar balik RM31,000.00 tersebut kepada Taman Pinang. Boleh tak boleh? Sungai Dua yang setuju dengan saya dengan surat tersebut, betul dak? Saya ada bukti disini. Boleh di *exhibit* kan. Dato' Speaker, saya minta kalau boleh kawan-kawan saya di situ, sila hubungi ICU PM Department, *because otherwise, this will be happen and we have our poor, poor in the low cost project Taman Pinang who will suffer, they are the ones who suffer* (dengan izin), Dato' Speaker.

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya, soalan lisan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Dato' Speaker, tambahan soalan saya adalah untuk, adakah masalah-masalah tangki air, bumbung adalah masalah kritikal ini terutama di rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang diduduki oleh penduduk-penduduk yang miskin. Mengapa TP1Malaysia, Kerajaan Persekutuan sudah lama ada program ini sejak tahun 2012 jikalau tak silap, tetapi setiap kali dalam MMK Perumahan kita terpaksa bangkit dan tulis surat kepada Kerajaan Persekutuan? Tetapi tidak ada maklum balas seperti surat daripada Sungai Dua pun sama, sudah satu tahun tak jawab, adakah ini sikap Kerajaan Persekutuan yang sentiasa meuar-uarkan bahawa beliau ada Kerajaan yang betul-betul menjaga semua rakyat, kerajaan yang betul-betul menjaga semua kaum terutama kaum miskin, so, saya nak satu jawapan tu adakah sikap Kerajaan Persekutuan ni akan teruskan sebegitu, kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dengan ada program Happy sedang menunggu untuk bekerjasama dan membantu memperbaiki kos rumah rendah dan kos sederhana rendah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Jawi untuk soalan tersebut. Memang kita sedia, kita siap sedia dengan tabung *happy* yang berjumlah RM50 juta. Kita siap sedia. Tetapi memandangkan

kelewatan, kecuaiannya di pihak Kerajaan Pusat memanglah mereka tak peduli langsung rakyat di Pulau Pinang. *I believe that, because they*, mereka memang peduli, mereka akan mengambil apa ni pendirian lebih aktif, jawab dengan lebih, *response* dengan lebih cepat kerana ini bukan permohonan yang boleh diberi pertimbangan atas masa yang lama. Ini permohonan berkenaan isu-isu kritikal dan yang penting saya nyatakan tadi, memandangkan kes Taman Pinang ini, dua (2) perkara yang penting *very important for us* ambil maklum, yang *first is as a result of the delay* ada *public wastage, wastage of public funds*. Kita punya 80% duit Kerajaan Negeri tak perlu keluar, kita cuma keluar daripada 10% sahaja kerana diiktirafkan sebagai projek kos rendah. *They will going to give 90%*. So, ada *wastage of public funds*. *The first part. The second* terpaksa pula penduduk-penduduk di Taman Pinang dibebani dengan membayar 20% yang diperlu daripada tabung 80/20. Walhal sekiranya cepat dia orang proses dan lulus 90% akan diambil oleh TP 1Malaysia, 10% kita akan tampung. *Simple as that*. So, jawapan saya memang, memang Kerajaan Persekutuan tak peduli.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan lisan seterusnya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Dato' Speaker, soalan saya adalah soalan nombor lima (5).

- (a) Adakah perbelanjaan program Emas mengurangkan wang Kerajaan Negeri untuk belanjaan dalam bidang lain.
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh membiayai program Emas?
- (c) Adakah program Emas akan dikekalkan?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dato' Speaker, saya mencadangkan untuk menjawab soalan lima (5) bersama dengan soalan 33.

Dato' Speaker, semua perbelanjaan untuk program warga emas telah dikaji dengan teliti termasuk perbelanjaan pelaksanaan berterusan program-program emas. Walaupun perbelanjaan mengurus negeri termasuk pembayaran program-program kesedaran rakyat itu program emas juga meningkat daripada setahun ke setahun. Namun Kerajaan Negeri masih berupaya untuk menambah peningkatan perbelanjaan terlibat di samping mengekalkan lebih hasil. Kerajaan Negeri membayar program-program emas melalui punca-punca pendapatan dari tiga (3) iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang dipungut.

Prestasi kutipan hasil negeri yang meningkat setahun ke setahun membolehkan kerajaan membayar program emas ini. Tambahan pula Kerajaan Negeri mengamalkan penyertaan tender secara terbuka dan pentadbiran Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) dan dapat mengelakkan pembaziran dan hapuskan rasuah dan kesannya negeri dapat lebihan kewangan. Kerajaan Negeri mempunyai *political will* serta kecekapan dalam menguruskan kewangan yang boleh dan akan dapat teruskan pelaksanaan program-program ini.

Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan bagi menjalankan kajian berkenaan dengan warga emas dalam usaha memasti kebajikan warga emas sentiasa dijaga dan sempurna dengan Penang Medical College yang telah dilantik untuk menjalankan kajian tersebut. Kerajaan Negeri akan meneliti hasil kajian tersebut, syor-syor yang dikemukakan dan merancang program-program yang sesuai pada warga emas negeri ini. Pada masa hadapan, Penang Institute juga telah dilantik untuk membuat kajian impak dasar program penghargaan warga emas dan laporan ini akan disempurnakan pada bulan Disember. Kerajaan Negeri boleh mempunyai sebarang perancangan untuk memberi bantuan insurans nyawa untuk warga emas Pulau Pinang. Memang kami sedang dok kaji apakah implikasi kewangan dan kami akan bagi pertimbangan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan lisan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan a/l Autherapady):

Soalan saya yang akhir tadi belum dijawab. Adakah program emas akan dikekalkan dan soalan saya lagi adakah program emas disambut baik oleh rakyat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dia, memang kalau Negeri Pulau Pinang kalau tak baik macam mana Barisan Nasional boleh kalah habis semua. Betul tak. Itu dah tentu tanda-tanda yang kukuh begitu sehingga Kerajaan Pusat juga ikut dan Ketua Menteri telah memaklumkan kepada Kerajaan Pusat di Pulau Pinang kami tidak *copyright* program ini, tak *copyright*, tetapi minta tolong *copy it right*. Kewangan mesti datang daripada hapusan rasuah, *open tender* dan lain-lain. Bukan untuk melalui GST. GST ambil RM600, GST ambil kewangan ini bayar separuh, yang lain digunakan oleh lain orang. Inilah Kerajaan Pusat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan enam (6).

6. Walaupun Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah telah dibuka untuk lalu lintas, tetapi mengapakah kerja menaik taraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di Bayan Lepas yang bersambung ke gerbang jambatan masih dalam proses pembinaan? Bukankah kerja menaik taraf tersebut harus disiapkan secara serentak apabila kerja binaan Jambatan Kedua siap?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih Dato' Speaker, saya ingin menjawab soalan lisan daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan KOMTAR. Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah telah

dibuka kepada lalu lintas pada 1 Mac 2014. Untuk tujuan menyuraikan trafik khususnya di bahagian Pulau, empat (4) buah projek utama sedang dilaksanakan iaitu projek menaik taraf Jalan Persekutuan FT006 iaitu dari Bayan Lepas ke Telok Kumbar. Projek naik taraf Jalan Negeri P10 dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah. Projek membina *flyover* merentasi persimpangan Batu Maung dan projek menaik taraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu FT3113 dari Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang. Keempat-empat projek ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Adalah diakui bahawa lebih sempurna sekiranya keempat-empat projek ini dirancang pelaksanaannya dan disiapkan seiring dengan penyiapan projek Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah terutamanya bagi projek menaik taraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu iaitu FT3113 yang menghubungkan jambatan sepanjang 24 km tersebut dengan bandar George Town. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang mengakibatkan projek ini lewat dimulakan. Antara faktor-faktor tersebut adalah faktor peruntukan kewangan serta isu pengalihan utiliti yang menyebabkan reka bentuk asal iaitu lebuhraya *ed grade* ditukarkan kepada struktur bertingkat, *elevated structure*.

Pada masa ini, terdapat pelbagai jenis aset utiliti di bawah rangkaian Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan ianya merupakan utiliti yang amat penting kepada operasi kilang-kilang di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, FIZ, seperti bekalan gas, bekalan elektrik, bekalan air dan lain-lain. Kerja-kerja pengalihan utiliti tersebut dijangka akan memakan masa yang lama untuk dilaksanakan iaitu melebihi 24 bulan. Selain itu, pelaksanaan pembinaan berdasarkan reka bentuk asal yakni lebuhraya *ed-grade* turut dijangka akan menyebabkan ketidakselesaan kepada pengguna jalan raya. Sehubungan itu, kajian semula perlu dijalankan supaya reka bentuk jalan 32.2 km ini dapat diubah kepada pembinaan struktur bertingkat iaitu *elevated structure* yang seterusnya mengelak pengalihan utiliti serta menjimatkan kos pengambilan balik tanah. Berikutan faktor-faktor tersebut, projek naik taraf lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu iaitu FT3113 tidak dapat disiapkan serentak dengan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Soalan tambahan. Terima kasih jawapan dari Yang Berhormat Bagan Jermal.

Soalan tambahan saya, saya ingin tahu status terkini empat (4) projek naik taraf inilah, berapa peratus telah siap dan bilakah projek, semua-semua projek ini dijangka siap. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih. Mengenai projek pertama FT3113 iaitu dari Jambatan Kedua hingga Queensbay Mall, apabila kita melalui jajaran itu, *bore piling* telah disiapkan lebih kurang lebih 50% dan *pile cap* dengan tiang pun sudah naik dengan *cross beam* sudah naik. Bukan saja kita nampak di sana ada *bore pile* ada tiang ada *cross beam*, tetapi tapak *precast yard* di tepi jambatan kedua sana juga ada satu *precast yard* di mana semua *prestressed beam* atau *precast beam* yang besar-besar itu telah siap juga sebahagiannya dibuat itu adalah 3113. Yang kedua, daripada Jambatan Kedua untuk pergi ke Batu Maung ada satu *roundabout* hendak dibina jejantas dan juga dari Batu Maung pergi ke Teluk Kumbar. Pengambilan tanah telah selesai dan kontraktor pun telah ditawarkan. Sekarang dalam peringkat pelaksanaan baru saja. Itu nombor dua. Yang ketiga dari *airport* menuju ke pekan lama Bayan Lepas itu juga satu projek 006, sana pun baru sudah *award* kepada satu kontraktor dan semua ini sedang dalam peringkat pelaksanaan. Itu saja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid bin Haji Saad):

Ulasan Bagan Jermal. Memandangkan pembinaan *quick massive* daripada Teluk Kumbar, Bayan Lepas dan sebagainya ada tak laluan-laluan kedua yang dibuka bagi memastikan yang masalah trafik yang memang begitu teruk di pekan Bayan Lepas, daripada Teluk Kumbar dan sebagainya dapat diatasi. Antara laluan kedua yang disediakan buat sementara waktu sehingga projek itu dapat disiapkan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Speaker apabila sesuatu projek hendak dijalankan konsultan pasti mengadakan satu *traffic management plan* iaitu supaya trafik yang sedia ada sama ada diganti dengan satu alternatif jalan atau tidak mengganggu lalu lintas yang sedia ada seperti 3113 iaitu Jambatan Kedua ke Queensbay Mall. Kita tidak ganggu sama sekali

jalan yang sedia ada, kita hanya membina dalam jajaran tengah-tengah disebelah kiri dan sebelah kanan masih boleh dilalui oleh kenderaan yang sedia ada. Serupa juga Batu Maung, kalau nak membina *flyover* untuk menggantikan *roundabout* dan juga dari Batu Maung pergi ke Telok Kumbar, kita cuba mengelak seperti Yang Berhormat juga ada membantah pada reka bentuk asal di mana lebih tanah dan lebih gerai-gerai di tepi-tepi jalan telah terlibat dan sekarang kita kecilkan *median* iaitu tengah-tengah jalan itu kita kecilkan sedikit dan kaki lima kita sempitkan sedikit supaya kita mengurangkan pengambilan tanah, itu kedua, dan apabila hendak dijalankan kita juga akan memastikan ada *traffic management* supaya jalan yang sedia ada tidak ditutup untuk lalu lintas. Bayan Lepas juga serupa, kita akan melebarkan di bahagian kiri iaitu di bahagian Balai Polis. Sana punya rumah lebih teruk, sebelah kanan rumah cantik sikit. Jadi kita pilih di sebelah sana. Jadi lagi satu jajaran di belakang Bayan Lepas Town iaitu Jalan Dato' Ismail Hashim. Itupun boleh dijadikan sebagai satu alternatif sekiranya perlu ditutup pada satu-satu masa yang kita perlu menjalankan kerja-kerja tertentu. Jadi semua *traffic management plan* akan disediakan oleh konsultan dan dipersetujui oleh MPPP, JKR dan lain-lain agensi. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan lisan seterusnya. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

YB. Dato' speaker. Soalan saya no. 7.

7. Apakah keistimewaan/pulangan dari segi kewangan dan lain-lainnya kepada Negeri Pulau Pinang dalam rundingan dan perjanjian yang ditandatangani di antara ZENITH BUCG dengan Kerajaan Negeri bagi pembinaan terowong bawah laut. Betulkah Kerajaan Negeri perlu memberi beberapa bidang tanah kepada pemaju secara berperingkat dan apakah balasan kepada Negeri Pulau Pinang selain mendapat terowong tersebut.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih Dato' Speaker. Saya ingin menjawab soalan dari Ahli Berhormat dari Pulau Betong. Kerajaan Negeri sentiasa terus berusaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang berkualiti demi kesejahteraan dan keselesaan rakyat dengan mengutamakan konsep kompetensi, akauntabiliti dan transparensi dan juga *value for money*. Kerajaan Negeri telah menandatangani perjanjian awal dengan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. yang turut disertai oleh China Railway Construction Corporation (CRCC) dan Beijing Urban Construction Group (BUCG) pada 6 Oktober 2013 untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan dan reka bentuk terperinci ke atas tiga (3) buah lebuh raya dan Terowong Link Ketiga. Pada masa ini kajian kebolehlaksanaan dan reka bentuk terperinci bagi tiga (3) buah projek jalan-jalan utama iaitu jalan pintasan dari Air Itam ke Lebuh raya Tun Dr. Lim Chong Yew, jalan pintasan dari persiaran Gurney ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Yew, dan juga jalan berkembar dari Tanjung Bunga ke Telok Bahang telah pun dimulakan pada 1 November 2013 dan dijangka akan siap pada 31 Oktober 2014. Manakala, kajian kebolehlaksanaan bagi projek terowong *link* ketiga belum lagi dimulakan dan tertakluk kepada arahan Kerajaan Negeri kepada syarikat itu.

Tiga (3) sahaja projek kita sedang menjalankan *feasibility study* dan *DTi ODEIA and also DTi design*. Terowong belum lagi sentuh. Kos keseluruhan pelaksanaan ke-4 projek adalah berjumlah RM6.341 billion sebagai pulangan kepada pihak syarikat. Kerajaan Negeri akan menyerahkan 110 ekar tanah di bandar Tanjung Pinang fasa 1 dan fasa 2. Tanah-tanah ini akan diserahkan kepada pihak syarikat secara berperingkat-peringkat mengikut keluasan yang nilainya bersamaan dengan jumlah kerja yang telah diselesaikan oleh pihak syarikat. Selain itu, pihak syarikat juga diberi konsesi kutipan tol selama 30 tahun bagi terowong link ketiga tanpa sebarang jaminan trafik atau *traffic guaranty* tiada. Melalui penyerahan 110 ekar tanah dan konsesi tol selama 30 tahun tersebut Kerajaan Negeri tidak akan mengeluarkan apa-apa bentuk bayaran tunai kepada pihak syarikat. Kerajaan Negeri percaya bahawa projek ini akan memacu ekonomi Negeri Pulau Pinang dan memberi faedah kepada rakyatnya. Selain daripada itu, peluang pekerjaan dan peluang perniagaan bagi kontraktor-kontraktor di negeri ini, projek ini juga berupaya untuk membawa faedah dari aspek pemindahan teknologi dan kepakaran dari syarikat CRCC dan BUCG yang bereputasi tinggi. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan Dato' Speaker. Yang Berhormat Bagan Jermal, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawasanya 110 ekar diberi secara berperingkat dan saya difahamkan bahawa juga ada tanah diberikan kepada pihak pemaju bagi tujuan membiayai *feasibility study*. Betul atau tidak.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat, soalan ini ada di dalam soalan bertulis dan kami telah menyemak perkara ini, setakat sekarang belum ada sebarang tanah diserahkan kepada Syarikat Zenith Consortium, belum ada lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tujuan tidak betul sebab saya difahamkan ada beberapa bidang tanah untuk tujuan *feasibility study*.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Memang itu adalah satu syarat di mana mereka perlu menjalankan *feasibility study* terdahulu dan mereka akan tuntutan dari Kerajaan Negeri, soalan ini pernah saya juga jawab dalam sesi yang lepas. Lepas itu, kalau mereka tuntutan dan di *verified* atau disahkan oleh konsultan-konsultan yang di kaji oleh Kerajaan Negeri maka kami akan menyerahkan tanah-tanah yang bersamaan dengan harga tuntutan itu kepada mereka tetapi sehingga sekarang belum ada apa-apa tanah diserahkan kepada mereka.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Nilai tanah itu dinilai semasa ataupun selepas projek terowong disiapkan. Nilai tanah yang akan diserahkan sebanyak 110 ekar itu dan adakah diberikan secara satu *group* ataupun *in pocket*, sikit-sikit.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Baik, tanah kita kira kepada satu kaki persegi RM1,300. Pada masa sekarang pun, mereka kata mereka tuntutan satu jumlah kita akan kira berdasarkan RM1,300 satu kaki padahal buat masa sekarang belum ada harga ini bukan. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Soalan lisan seterusnya.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

YB. Dato' Speaker, soalan saya no. 8

8. Apakah rancangan masa hadapan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperluaskan kegunaan Stadium Batu Kawan?
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih menggunakan Stadium Batu Kawan untuk kegunaan Perkampungan Sukan (sports village)?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Berapit kerana prihatin ke atas soalan ini. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) baru mengambil alih pengurusan stadium Batu Kawan daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang kini sedang dalam perancangan dan penelitian mengenai aspek-aspek yang dapat memberi impak dan seterusnya menjana pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Bagi tujuan menjalankan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan Stadium Batu Kawan. PDC kini sedang menjalankan kerja-kerja pemeriksaan audit secara terperinci ke atas peralatan mekanikal dan *electrical, civil* dan *structure* stadium. Balapan atau *track* dan padang. Kerja-kerja pemeriksaan atau audit ini dijangka siap sepenuhnya pada 31hb. Mei 2014 melalui pemantauan awal kerja-kerja pembaikan dan naik taraf ini terbahagi kepada dua (2) fasa iaitu jangka pendek dan jangka panjang. Kerja-kerja pembaikan dan naik taraf untuk jangka masa pendek, fasa 1 akan ditender pada bulan Jun 2014 dan dijangka akan

mengambil masa selama 12 minggu. Kerja-kerja tersebut adalah seperti berikut;

- 1 Mengecat semula *railing* dan pagar keselamatan besi di kawasan tempat duduk.
- 2 Penyediaan dan pemasangan semula penutup longkang di kawasan tempat letak kereta.
- 3 Membaiki lampu jalan dan menukar lampu yang hilang dan rosak di kawasan tempat letak kereta.
- 4 Pemasangan papan tanda di dalam dan sekitar kawasan stadium.
- 5 *Road line* dan *car park marking* dan kerja-kerja berkaitan di kawasan tempat letak kereta.
- 6 Membaiki tiang gol dan menukar jaring.
- 7 Pembaikan tandas di kaunter tiket utama dan gerai makan.
- 8 Pembaikan sistem elektrik.
- 9 Pembaikan sistem mekanikal, *air condition*.
- 10 Selenggaraan peranti pelindung.

Kerja-kerja pembaikan dan naik taraf untuk jangka masa panjang fasa kedua hanya akan ditender selepas didapati terdapat keperluan kegunaan oleh bakal pengguna stadium di masa akan datang. Kerja-kerja tersebut adalah seperti berikut;

sistem audio vision,

pembaikan padang,

pembaikan balapan atau *track*,

pembaikan sistem CCTV,

pembaikan *LED scoreboard*,

pembaikan *spot light*,

pembaikan paip utama,

pembaikan kebocoran,

pembaikan mendapan kawasan sekitar dan

menaik taraf sistem elektrik dan mekanikal.

Dengan terlaksananya kerja-kerja pembaikan atau menaik taraf ini, Kerajaan Negeri berharap agar stadium ini dapat digunakan dengan lebih meluas untuk perlawanan antarabangsa dan setaraf dengannya pada masa yang akan datang. Kerajaan Negeri melalui PDC masih menggunakan Stadium Batu Kawan untuk kegunaan perkampungan sukan atau *sports village* yang kini sedang dalam penelitian untuk memperkasakan aktiviti-aktiviti sukan di stadium tersebut. Sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Berapit dahulu.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan saya adalah rancangan masa hadapan Kerajaan Negeri untuk memperluaskan kegunaan stadium yang tadi YB. Padang Lalang hanya beritahu hanya sedikit sahaja tetapi masalah di Negeri Pulau Pinang ialah semua persatuan sukan menghadapi kekurangan *venue* untuk berlatih. Dan di Seberang, waktu yang dulu kita memang mahu menjadikan Stadium Batu Kawan satu *sports village* untuk seberang dan

menjadikan satu tempat untuk semua lapisan rakyat untuk menggunakan sebagai satu tempat untuk berikreasi atau untuk senaman dan juga sekarang ialah sampai hari ini pun, kita tidak dapat menyediakan kolam renang untuk pasukan berenang di Pulau Pinang. Dan kita punya sukan berenang, terjun, *diving or* kita punya *synchronize* kita tidak dapat menyediakan tempat latihan untuk sukan kita dan saya mendapati dalam setahun ini kerajaan hanya menumpukan membuat program atau perlawanan antarabangsa bila kita hanya menjunjung *champion* tapi kita tidak menjaga atlet-atlet pelapis, kita akan hilang kita punya jaguh.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalannya.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan saya ialah selain daripada kerajaan untuk menyediakan Batu Kawan sebagai *sports village* adakah kerajaan ingin menyediakan lagi banyak tempat untuk sukan berlatih?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada YB. Berapit. Kerajaan atau pun MSN pada waktu sekarang dalam usaha untuk membuat satu *mapping* kesemua kemudahan-kemudahan sukan. Kita nak tahu berapakah, apakah kemudahan dan di mana. Dan selepas kita adakan *mapping* ini selesai kita akan tahu apakah kekurangannya dan apakah kemudahan yang kita perlu, yang paling *urgent* yang saya rasalah pada hemat saya kita akan menyediakan kemudahan yang kita perlu, paling *urgent* sekali umpamanya hoki *field*, hoki *field* yang ada di Kepala Batas di Bertam, padang ini memerlukan pembaikan, pembaikan memerlukan bajet RM1 juta, *one million*. Kita mahu juga, Kerajaan memang mahu sediakan kemudahan yang baik tapi saya rasa semua kita tahu bahawa bajet kini adalah terhad. Jadi kita juga harap bahawa ini sukan untuk rakyat di Pulau Pinang. Rakyat Pulau Pinang juga bayar cukai kepada Kerajaan Pusat, jadi kami haraplah bahawa Kerajaan Pusat akan juga membantu dalam aspek ini supaya memberikan peruntukan untuk menaik taraf atau pembaikan kemudahan-kemudahan sukan. Jadi ada dalam beberapa

rancangan selepas ini kita akan menumpukan kepada penyediaan kemudahan-kemudahan sukan selaras dengan kemampuan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalan tambahan. Stadium Batu Kawan mempunyai potensi yang cukup besar. bukan sahaja struktur bangunan tetapi kawasan sekeliling yang masih tidak digunakan dengan sepenuhnya dan seperti yang disebut oleh Padang Lalang tadi, banyak pembaikan-pembaikan, pertambahan-pertambahan kepada aset yang ada disitu yang perlu dibuat tapi satu daripada kekangan kepada penganjuran program-program besar-besaran terutama sekali diperingkat antarabangsa di Batu Kawan adalah kerana penguraian trafik hanya ada satu sahaja laluan keluar dan masuk dan ini menyebabkan masalah kalau dianjurkan program besar dan ini juga menyebabkan tidak dapat dilaksanakan program-program besar jadi soalan saya YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri mempunyai perancangan sebab ini pergi kepada soalan saya yang seterusnya tentang Batu Kawan ini tentang bagaimanakah ia akan distrategikan stadium dan kemudahan-kemudahan yang akan ada di Batu Kawan ini, untuk mengoptimalkan kegunaan stadium Batu Kawan terutama sekali dari segi pembinaan jalan alternatif untuk penguraian trafik di situ. Terima kasih

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Terima kasih Yang Berhormat, memang kerajaan telah nampak potensi Stadium Batu Kawan ini selepas kita dapat membangunkan kawasan Batu Kawan dan kita sekarang ada jambatan kedua. Memang dalam rancangan kita akan membina jalan raya tambahan kepada Stadium Batu Kawan supaya kita mengoptimalkan kegunaan stadium ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya tertarik dengan stadium ini kerana baru baru ini kita turun padang bersama YB. Penanti, YB. Batu Maung, YB. Seberang Jaya, YB. Seri Delima, YB. Batu Lancang juga, dengan Tanjung Bunga kita turun padang bermain bola di Stadium Bandaraya pasukan Yang Berhormat berlawanan bola dengan JKKK kita, saya juga menjaringkan satu

gol dalam perlawanan tersebut itu satu rekod dalam hidup saya menjaringkan satu (1) gol di stadium bandar raya mewakili pasukan Yang Berhormat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Satu gol satu (1) soalan juga...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Kapten kita YB. Batu Lancang, YB. Penanti...(gangguan)

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

YB. Air Itam, satu (1) gol satu soalan...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Okey, okey, ...(ketawa) saya ambil kesempatan ini untuk bercakap kerana saya tertarik budak-budak ramai kerana mereka bermain di padang-padang saja, tapi adakah program untuk menggalakkan budak-budak kita mengadakan satu pengalaman bermain bola di Stadium Bandar Raya, di Stadium Bertam, di Stadium Batu Kawan adakah insentif, motivasi untuk mereka supaya mereka bukan saja tengok di depan TV saja boleh bermain secara sebenar, *the real game* dalam stadium, adakah kita ada satu insentif dari segi kewangan, program, galakan sebegini, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Puan Chong Eng):

Terima kasih YB. Air Itam, memang YB. Air Itam seorang pemain yang sungguh handal pada hari itu,...(ketawa), saya rasa MSN sedang menggalakkan semua persatuan-persatuan sukan untuk mengadakan program pembangunan sukan iaitu mesti memberi peluang untuk mereka generasi yang muda untuk bermain sukan, dan ini tak boleh hanya taruh kepada tanggungjawab negeri sahaja saya harap di kawasan semua Yang Berhormat boleh mengadakan program kerana di semua kawasan saya rasa ada padang dan saya menggalakkan semua ahli mengadakan aktiviti-aktiviti sukan sekiranya

memerlukan bantuan teknikal jadi kita boleh minta dari persatuan-persatuan yang berkenaan dan sekiranya memerlukan dana saya rasa semua Yang Berhormat-Yang Berhormat ada dana sedikit gunakan untuk sukan jadi dengan kerjasama semua, semua Yang Berhormat ini saya rasa kita akan menghasilkan banyak pemain yang handal seperti YB. Air Itam, sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Soalan lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalan saya ialah soalan no. 9.

9. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenakan notis di bawah Seksyen 4 Kanun Tanah Negara ke atas tanah-tanah persendirian di kawasan Batu Kawan. Sila berikan senarai tanah-tanah yang terlibat dan nyatakan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk kawasan tersebut. Apakah penjualan tanah kepada IKEA dibuat secara tender terbuka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih YB Dato' Speaker kepada soalan daripada YB. Ketua Pembangkang, penjualan tanah seluas 245 ekar oleh PDC di Batu Kawan dibuat secara rundingan terus kepada Aspen Vision Sdn. Bhd. dan Ikano Pte. Ltd. Penjualan tanah ini tidak dibuat melalui proses tender terbuka kerana PDC ingin membawa projek pemangkin IKEA ke Batu Kawan memandangkan usaha untuk menarik IKEA ke Batu Kawan telah berlaku sebelum tahun 2008 lagi. Oleh itu, kejayaan membawa IKEA ke Batu Kawan pada masa ini menjadi kejayaan yang wajar dibanggakan. Ini kerana IKEA akan membantu meningkatkan pertumbuhan Batu Kawan dan menaikkan nilai hartanah di Batu Kawan. Selain daripada pembangunan IKEA, pihak PDC juga merangka pembangunan lain di atas tapak 245 ekar tersebut seperti berikut ;

1. 20 ekar untuk pembangunan IKEA;

2. 55 ekar untuk kompleks membeli belah rangkaian makanan dan minuman;
3. 170 ekar untuk pembangunan bercampur hartanah komersial dan perumahan.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa soalan saya tidak diberi jawapan yang tepat kerana saya menanya tentang notis di bawah Seksyen 4 yang telah dikenakan ke atas beberapa tanah di kawasan itu, dan apakah perancangan selain daripada antaranya adalah tentang penjualan tanah kepada IKEA tetapi sebelum itu, notis di bawah Seksyen 4 yang telah dikenakan oleh Kerajaan Negeri ke atas beberapa keping tanah di kawasan itu dan apakah perancangan seterusnya, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada YB. Ketua Pembangkang, sebenarnya Seksyen 4 hanyalah suatu notis sahaja yang belum dimuktamadkan. Saya rasa YB. Ketua Pembangkang sebagai seorang peguam faham bahawa tujuan akan dimuktamadkan dan dimuktahirkan apabila Seksyen 8 diwartakan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Adakah ini bermakna selain daripada *master plan* yang dah wujud untuk Batu Kawan ini ada lagi *supplementary* ...(dengan izin) tambahan kepada *master plan* ini yang dirancang kerana melibatkan kawasan sekeliling tanah yang dikenal pasti untuk pembangunan-pembangunan tertentu dan kita faham kenapa misalnya IKEA dibuat rundingan kerana tentu sekali Kerajaan Negeri inginkan strategik *development* untuk dibawa di kawasan ini untuk membolehkan ianya membangun dengan pesat dan mewujudkan dengan satu permintaan yang baik kepada perumahan di kawasan itu, jadi ini menyebabkan satu keadaan bila ada Seksyen 4 dan mungkin dikenakan seksyen 8

bermakna ada satu perancangan lagi besar dan ini dengan siapnya jambatan kedua menyebabkan spekulasi yang begitu tinggi oleh pemaju-pemaju dan spekulator dalam bidang hartanah tentang kawasan itu, dan ini tentu sekali akan menyebabkan suasana yang cukup panas tentang hartanah di kawasan itu dan tanah Batu Kawan sekarang yang sudah menjadi begitu mahal kerana faktor-faktor ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sebenarnya jawapan yang kita berikan adalah tepat dan betul salah satu sebab mengapa kita tak berikan jawapan awal adalah kerana Yang Berhormat bertanyakan Seksyen 4 Kanun Tanah Negara, dan tak ada Seksyen 4 Kanun Tanah Negara, Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah, itulah kesilapan dan saya tak mahu sebut tetapi kerana YB tanya saya terpaksa buat pembetulan. Sebenarnya bukan Seksyen 4 Kanun Tanah Negara, Seksyen Akta Pengambilan Tanah dan seperti yang saya sebut tadi bahawa Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah hanya untuk memberikan notis kerana apabila IKEA masuk kita tahu ia akan menjadi satu pemangkin ekonomi yang sangat besar dan kalau kita nak buat perancangan dengan lebih teliti ia akan mengambil masa, dan kalau kita telah membuat perancangan pada masa itu, mungkin akan makan masa satu atau dua tahun masa itu harga tanah mungkin sudah melambung tinggi. Itulah sebab kita bagi satu notis sahaja yang belum dimuktahirkan dan muktamadkan supaya kita boleh satu kajian yang lebih menyeluruh lagi saya rasa itulah maksud sebenar kerana kita tak mahu apabila kita buat perancangan untuk kepentingan awam spekulasi-spekulasi tanah akan menyebabkan tanah ini lari atau terlalu cepat dan ini akan mencacatkan atau mengagalkan usaha kepentingan awam yang dirancangan oleh Kerajaan Negeri, terima kasih .

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Saya ingin mendapat penjelasan di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah di Batu Kawan ini melibatkan tak kampung, seperti kampung-kampung Masjid, Kampung Tengah, Kampung Pengkalan dan Kampung Pokok Assam di Batu Kawan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya kurang pasti Kampung yang disebut, tapi seberapa yang boleh kita tak akan melibatkan kawasan kediaman atau pun kawasan ibadat seperti yang saya sebut tadi ini hanya Seksyen 4. Saya rasa Sungai Acheh pun faham bahawa Seksyen 8 adalah yang muktamad, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Saya fahamlah Seksyen 4 ini permulaan, cuma saya nak dapat kepastian maknanya tidak ada perancanganlah untuk pengambilan tanah di kampung-kampung saya sebutkan tadi itu saja

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu yang saya sebutkan tadi dan saya sudah jawab, seberapa dan sebaik yang boleh kita akan elakkan daripada kawasan-kawasan ibadat termasuk masjid atau surau. Saya rasa itulah yang saya sebut tadi dan kalau kita nak tumpukan dengan lebih mudah untuk membuat sebarang pengambilan ke atas kawasan-kawasan kosong atau kawasan pertanian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Soalan lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Telok Bahang(YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Soalan No. 10.

10. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai dasar atau undang-undang untuk menempatkan gerai-gerai yang menjalankan perniagaan tanpa lesen yang telah diroboh dan ditempatkan ke tapak-tapak gerai yang telah dibina oleh Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Pulau Pinang? Jika ada sila jelaskan dan jika tidak ada, kenapa?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih kepada YB. Kawasan Telok Bahang atas soalan yang dikemukakan. YB. Dato' Speaker, MPPP mengamalkan kaedah memberi keutamaan kepada penjaja tanpa lesen untuk menjalankan aktiviti perniagaan dalam kompleks atau tapak penjaja yang diuruskan oleh Majlis. Semua penjaja yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen telah dibanci oleh MPPP dan tarikh akhir bancian adalah pada 30 Oktober 2012. Kesemua penjaja berkenaan diberikan tag dan mempunyai keutamaan bagi pengisian untuk menjalankan perniagaan dalam kompleks penjaja atau tapak penjaja yang diserahkan oleh pemaju kepada MPPP. Sehingga kini 1,195 peniaga telah ditempatkan semula di dalam kompleks MPPP. Penjaja-penjaja yang telah dibanci ini akan menghadiri temuduga yang diadakan setiap bulan bagi tujuan memberikan penerangan kepada penjaja berkenaan keperluan mematuhi undang-undang kecil dan syarat-syarat. Selepas proses temuduga dibuat, penjaja berkenaan akan dimaklumkan akan keputusan penempatan ruang niaga berkenaan. Pada tahun 2014, MPPP akan membuat pengisian ke atas empat (4) Kompleks Pasar dan Makanan yang baru diserahkan kepada MPPP oleh pihak pemaju. Dianggarkan 185 orang penjaja akan ditempatkan dalam kompleks baru berkenaan. Di samping itu MPPP juga sedang merancang pembinaan beberapa buah pasar awam yang baru demi memperluaskan lagi peluang dan menyediakan ruang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil. MPSP juga telah menetapkan dasar memberikan keutamaan pengisian ruang niaga yang disediakan oleh MPSP kepada peniaga tanpa lesen atau peniaga yang telah diambil tindakan penguatkuasaan. Walau bagaimanapun mereka perlu hadir temu duga untuk diberi pertimbangan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Soalan tambahan Yang Berhormat. Bolehkah Yang Berhormat maklumkan kepada kita perancangan untuk mendirikan pasar-pasar yang dibina oleh MPPP sendiri bawah Kerajaan Tempatan mengikut daerah supaya kita lebih mudah berurusan dengan masyarakat peniaga untuk dapat maklumat daripada mereka. Rasa macam tidak ada tempat untuk mereka berniaga.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Dalam masa tiga (3), empat (4) tahun kebelakangan ini, MPPP dan MPSP sememangnya telah menjalankan kerja-kerja menaik taraf pasar dan kompleks makanan dan sudah pun hampir 20 sudah pun disiapkan. Tetapi bagi pasar awam yang baru yang sedang dirancang satunya di Telok Kumbar masih dalam proses pengambilalihan tanah. Satu lagi di Batu Feringghi atas sumbangan dana oleh pemaju-pemaju atas juga tanah-tanah yang diserahkan oleh pihak pemaju-pemaju di mana sebuah pasar baru di Batu Feringghi akan dibina. Jadi dengan pembinaan dua (2) buah pasar baru di dua (2) daerah ini yang dekat jugalah dengan Telok Bahang diharapkan lebih banyak peluang perniagaan dapat disediakan dan penjaja-penjaja tanpa lesen di tepi-tepi jalan dapat ditempatkan semula ke ruang niaga yang berlesen ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Memang menjadi masalah kepada penjaja-penjaja, gerai-gerai di tepi jalan. Walaupun mungkin kita siapkan satu tempat, kita *centralised* kan, bila kita ajak mereka pindah jadi masalah, sebab mereka lebih sesuai di situ. Pelanggan dah ada, tempat strategik. Jadi saya nak mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri, boleh tak tapak-tapak yang sedia ada yang mereka menjaja sama ada dibahu jalan dan sebagainya yang mungkin tidak datang bahaya dari segi lalu lintas dan sebagainya.

Kita menyediakan tapak. Maksudnya Pihak Berkuasa Tempatan elokkan tapak dibahu jalan itu, syaratkan kepada mereka menggunakan khemah-khemah yang disediakan oleh MPSP yang seragam lebih menarik. Sekurang-kurangnya samalah YB. Dato' Speaker samalah macam bahu jalan besar dekat Tol Jawi kita ada mercu tanda Residency Merbok. Kerana cantik kita biarkan benda itu. Apa salah kita bantu penjaja-penjaja kita. Kita buat tapak, bagi mereka berniaga di situ.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh, atas cadangan ini memang satu jalan keluar kepada masalah di mana penjaja-penjaja tidak berlesen didapati berniaga dibahu-bahu jalan. Kita boleh lihat masalah ini dalam tiga (3) perspektif

dalam satu kegiatan menimbulkan tiga (3) pelanggaran undang-undang. Satunya mencerooh tanah kerajaan atau *reserved* jalan. Keduanya apabila membuat binaan supaya dapat menjalankan perniagaan itu sekali lagi pencerobohan dan binaan tanpa kelulusan dan akhirnya menjalankan perniagaan tanpa berlesen.

Jadi saya rasa cadangan Ahli Kawasan Sungai Aceh boleh dipertimbangkan asalkan peniaga-peniaga sedar dan faham bahawa menjalankan perniagaan dengan menggunakan van ataupun lain-lain jenis kenderaan ataupun menggunakan kanopi sementara adalah jauh berbeza dengan membina satu struktur di atas bahu jalan. Itu memang susah ditoleransikan.

Bahagian pertama mungkin boleh dipertimbangkan sebab memang ada tapak penjaja sementara disekitar bandar raya di mana mereka dibenarkan berniaga untuk satu tempoh masa tanpa ada apa-apa binaan dan setelahnya menghabiskan masa perniagaan dibersihkan kawasan itu. Itulah berbeza dengan menjalankan perniagaan dan seterusnya membuat binaan yang haram. Itulah lebih rumit untuk ditangani. Jadi cadangan Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Aceh akan dipertimbangkan.

Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan lisan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan 11 soalan saya.

11. Nyatakan keadaan terkini Bukit Gambir yang telah digondol oleh pemiliknya pada awal tahun lalu.
 - (a) Jumlah keseluruhan tanah itu dan keluasan bahagian yang telah digondolkan.
 - (b) Apa cadangan pembangunannya dan adakah pemilik telah menghantar permohonan untuk kelulusan pihak berkuasa?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato Speaker. 11 adalah jawapan saya. Kes ini adalah satu kerja tanah haram oleh pemilik tanah tanpa mendapat kebenaran dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Tindakan undang-undang telah pun diambil dan tuan tanah telah didenda RM30,000 oleh Mahkamah Seksyen pada 11 Julai 2013 dan rayuan untuk mempertingkatkan lagi denda pula ditolak oleh Mahkamah Tinggi dan hukuman denda dikekalkan.

Pelan Mitigasi yang dikemukakan oleh tuan tanah telah pun diluluskan pada 21 April tahun ini dan tuan tanah sedang menjalankan Pelan Mitigasi seperti berikut :

- (i) membina kolam enapan di tapak bahagian bawah; dan
- (ii) membina parit *lined concrete* terlebih dahulu sebelum memulakan kerja-kerja penstabilan tebing cerun. Kerja-kerja mitigasi dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 6 bulan. Jumlah keluasan tanah bagi lot 11396 adalah seluas 228,900.00 meter persegi manakala keluasan tanah bagi kawasan yang digondolkan itu adalah seluas 48,915.03 meter persegi. Sehingga kini tiada permohonan kebenaran merancang yang dikemukakan kepada MPPP.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Yang di-Pertua Dewan, nak tanya saya minta maklumkan nama-nama Board Director syarikat dan pemilik tanah itu yang bertanggungjawab atas penggondolan tanpa kebenaran ini. Tuan punya nama tidak pernah dikemukakan dalam Dewan ini supaya kita faham siapa mereka itu, dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri perlulah tahu siapa mereka.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya rasa kalau tidak silap pernah menyatakan seorang tuan tanah ataupun pengarah dalam syarikat yang memiliki tanah ini iaitu Tan Sri Tan Kok Ping. Mengenai lain-lain pengarah saya perlu notis untuk menjawab.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Kota, Yang di-Pertua Dewan, baru-baru ini saya telah pun minta, dan kalau saya *google* sekali lagi area itu, saya mendapati 1,2,3 kawasan telah pun digondolkan. Ini satu yang menjadi kes. Sebelah ini ada lagi, dan sebelah ini ada lagi. Saya tak tahu sama ada Ahli Kawasan Padang Kota *aware* dan maklum tentang perkara ini dan kalau maklum mengapa dibiarkan ini berlaku. Dan kalau tak maklum lagi boleh minta pegawai itu semak. Tetapi saya hairan kenapa ini pun ada masalah. Kenapa ini dibenarkan dua (2) lagi kawasan digondolkan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya rasa dengan meneliti *Google maps* dan tidak membuat perbandingan semasa tidak akan dapat memberi gambaran yang sejelasnya. Mungkin sebab tak ada perbandingan. Mungkin sebahagian adalah *assess road* ke tapak. *Assess road* ke tapak pun amat luas. Walau bagaimanapun mengikut laporan dari MPPP kawasan itupun sudah diberi jawapan tadi dan kerja-kerja mitigasi sedang dijalankan.

Mengapa lambat dijalankan adalah kerana Pelan Mitigasi yang dikemukakan pada bulan Januari tidak diterima oleh MPPP dan mereka di arah untuk *engaged* satu konsultan yang lain untuk dikemukakan pelan itu dan juga disemak oleh konsultan yang dilantik oleh MPPP akhirnya Pelan Mitigasi itu dapat diluluskan dan oleh kerana kelulusan Pelan Mitigasi itu, kerja-kerja boleh mula sejak akhir bulan April.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Soalan tambahan, Yang Berhormat Padang Kota, tadi Yang Berhormat menyatakan kerja tanah yang dilaksanakan adalah satu kerja tanah haram dan pihak syarikat telah pun

didakwa dan dikenakan hukuman. Rayuan oleh pihak Kerajaan Negeri telah pun ditolak dan telah pun dikenal pasti di dalam Dewan bahawa syarikat tersebut adalah milik Tan Sri Tan Kok Ping.

Jadi soalan saya adakah mana-mana projek lagi di Pulau Pinang yang melibatkan terus Tan Sri Tan Kok Ping di dalam projek-projek di Pulau Pinang atau adakah projek-projek di masa hadapan pun di kemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sekali lagi saya untuk menjawab saya perlu notis bukan senang. Mengapa saya perlu ingat siapa. Itu bukan tanggungjawab saya untuk mengingat mana-mana pengarah syarikat, mana-mana tanah milikan mereka, mana-mana cadangan pembangunan. Kalau ada soalan kita akan jawab. Tetapi kalau soalan secara spontan tidak akan dapat jawapan secara spontan dan memerlukan notis.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, soalan lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):

Yang di-Pertua Dewan soalan saya soalan 12.

12. Sila jelaskan sama ada penjualan tanah seluas 245 ekar tanah oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Batu Kawan yang bernilai RM484 juta adalah melalui proses tender terbuka?

Berapa syarikat yang masuk tender?

Selain daripada 75 ekar untuk pembangunan IKEA, sila jelaskan secara terperinci tentang jenis pembangunan bercampur yang merangkumi 170 ekar.

Timbalan Ketua Menteri II:

Ahli Kawasan Machang Bubok. Saya rasa jawapan ini adalah sedikit sama dengan jawapan yang telah diberikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tadi kepada Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar. Tetapi ada sedikit perbezaan.

Penjualan tanah seluas 240 ekar oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Batu Kawan dibuat secara rundingan terus kepada Aspen Vision Sdn. Bhd. dan Ikano Pte. Ltd. Penjualan tanah ini tidak dibuat secara tender tanah terbuka kerana PDC ingin membawa projek pemangkin IKEA ke Batu Kawan memandangkan usaha untuk menarik IKEA ke Batu Kawan telah berlaku sebelum tahun 2008 lagi. Oleh itu kejayaan membaw IKEA ke Batu Kawan pada masa ini menjadi kejayaan yang wajar dibanggakan kerana IKEA akan membantu meningkatkan pertumbuhan di Batu Kawan dan menaikkan nilai hartanah di Batu Kawan.

Selain daripada pembangunan IKEA, pihak PDC juga merangka pembangunan lain di atas tapak 245 ekar tersebut seperti berikut:

- (i) 20 ekar pembangunan IKEA
- (ii) 55 ekar kompleks membeli belah dan rangkaian makanan dan minum
- (iii) 170 ekar pembangunan bercampur harta tanah komersial dan perumahan

Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan. Ahli Kawasan perai, bolehkah saya tahu kenapa kita perlu menjualkan tanah sebanyak 170 ekar untuk pembangunan campuran kerana kita nak tarik IKEA untuk datang yang hanya pembangunan sebanyak 70 ekar sahaja. Kenapa kita perlu jual dengan harga yang sama RM45 sekaki persegi untuk pembangunan campuran dan juga belum lagi dikemukakan apa rancangan yang mereka nak buat itu.

Timbalan Ketua Menteri II:

Mungkin ia menjadi *priority* Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan Batu Kawan membawa satu proses urbanisasi di Batu Kawan dan saya rasa penjualan tanah kepada syarikat-syarikat ini adalah mengikut peraturan kecuali kepada IKEA yang telah kita tidak mengikut proses tender terbuka tapi syarikat-syarikat lain mestilah mengikut prosedur-prosedur yang telah kita tetapkan. Tapi soalan ini kenapakah kita jual tanah ini kepada syarikat-syarikat ini? Ini adalah di atas pertimbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama dengan PDC sebab apa yang telah dijualkan ini adalah atas harapan dan penilaian bahawa syarikat-syarikat ini akan membawa satu pembangunan untuk Batu Kawan dan manfaat kepada penduduk Batu Kawan dan seluruh Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Soalan tambahan YB. Dato' Speaker. Boleh saya tahu berapakah jangkakan jumlah penduduk apabila keseluruhan permohonan Batu Kawan itu diselesaikan dan berapakah jumlah penduduk yang akan ada di atas tanah 244 ekar ini? Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih kepada YB. Pulau Betong. Saya tidak ada data yang terperinci mengenai bilangan penduduk di Batu Kawan dan khususnya bilangan penduduk di sekitar 170 ekar. Jadi ini mungkin saya akan kekalkan data ini, boleh? *I don't have correct figure, sorry.*

Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan saya. Saya nak tanya lagi tentang perkara di manakah yang saya memang tahu IKEA adalah satu *shopping mall* yang terkenal dan memang dapat

memungkinkan pembangunan-pembangunan di setempat itu. Tapi saya juga nak tahu sama ada Kerajaan Negeri merancang untuk membuat satu kajian impak sosial ke atas bisnes-bisnes kecil seperti kedai-kedai perabut atau *home decor* yang di sekitar Seberang Perai Tengah atau Seberang Perai Selatan. Adakah mereka akan mengalami satu persaingan yang sangat hebat dan mungkin akan menggulung tikar selepas IKEA dibuka dan adakah kajian itu akan dibuat sebelum kita jalankan projek itu? Sekian, terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II:

YB. Ahli Kawasan Machang Bubok, mungkin boleh jelaskan sedikit satu kajian *social impact*, apa maksudnya? Saya rasa memang ini mesti ada, saya rasa kalau projek ini begitu besar, mungkin bukan sahaja *social impact*, mungkin ada juga kajian daripada Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya.

Saya rasa mana-mana projek yang kita anggap sebagai besar ini memang mestilah mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh agensi-agensi tertentu. *So it not something we will do it according to a wins presences memang ada.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan Lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin bin Ahmad):

Soalan No. 13

13. Kerajaan Negeri telah memilih mengenakan surcaj ke atas penggunaan air di Pulau Pinang dengan alasan untuk mendidik pengguna-pengguna bekalan air.
- (a) Berapakah jumlah surcaj yang telah dikutip?
 - (b) Ke manakah wang tersebut digunakan?
 - (c) Kenapakah kaedah ini yang dipilih?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Dato Yang di-Pertua, pada soalan yang ditanya oleh YB. Ahli Bayan Lepas. Pertama, dalam tahun 2013 surcaj penjimatan air, Water Surcharge Subsidies (WCS) dikutip adalah berjumlah RM8.5 juta. Kedua, kesemua hasil yang diperolehi akan digunakan oleh PBAPP untuk projek bekalan air bagi terus mengurangkan *non revenue water* (NRW) dan meningkatkan kesedaran rakyat demi kepentingan air untuk masa hadapan. Ketiga, kaedah ini dipilih kerana pengguna-pengguna Pulau Pinang menikmati tarif air domestik yang terendah di negara ini. Oleh itu ia telah menyebabkan penggunaan air domestik meningkat daripada 285 liter per kapita sehari (lpk) pada tahun 2011 kepada 311 lpk pada 1 Mac 2014. Sebagai pengguna air domestik tertinggi di negara ini, Pulau Pinang berada pada kedudukan yang kurang baik berbanding purata kebangsaan sebanyak 212 , Singapura pada 151 dan syor Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebanyak 100 . Oleh itu, Kerajaan Pulau Pinang telah memutuskan supaya WCS dikenakan ke atas pengguna yang menggunakan air melebihi dari 35,000 liter sebulan sekeluarga untuk mengurangkan penggunaan air berlebihan.

Ini adalah salah satu cara mengawal pengurusan permintaan air yang efektif dapat dilaksanakan dan untuk mengelakkan catuan air dijalankan.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Soalan tambahan. Dilihat kepada surcaj ini bagaimana bukan semua penghuni yang ada di Pulau Pinang ini adalah mereka-mereka yang berkeupayaan untuk membayar satu kos tambahan terutamanya berhubung dengan keluarga yang mempunyai ramai anak dan mereka ini adalah golongan-golongan yang susah dan sekarang ini telah timbul ramai yang mereka yang susah tidak dapat membayar bil-bil air. Jadi apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi membantu golongan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih pada soalan tambahan dari YB. Ahli Bayan Lepas. Kita membuat secara serampang dua mata. Yang pertama ialah untuk keluarga yang betul-betul miskin, mereka boleh dapat bantuan apa yang kita cakap sebagai pinjaman kampung. Di mana keistimewaan akan diberikan. Tapi untuk keluarga-keluarga lain secara amnya, Kerajaan Negeri telah memberikan diskaun sebanyak 60% kepada semua keluarga yang mempunyai anggota keluarga yang melebihi tujuh (7) orang iaitu lapan (8) dan ke atas.

Saya rasa ini adalah untuk memberikan sedikit kelonggaran tapi walau macam mana pun kita harus sedar bahawa kadar air atau tarif domestik begitu rendah telah menyebabkan penggunaan yang tinggi. Saya rasa itu adalah sesuatu kos and effect iaitu

kerana tarif air yang rendah ini menyebabkan sensitiviti untuk menjimat air berkurangan. Oleh itu daripada pelbagai pihak termasuk daripada Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air telah banyak kali menyatakan kadar air ataupun penggunaan air yang tinggi ini adalah sesuatu yang harus ditangani dan ia juga menjadi salah satu sebab mengapa pihak Kementerian enggan meluluskan satu projek untuk memindahkan air mentah daripada Sungai Perak ke Sungai Kerian di Pulau Pinang untuk menjamin bekalan air yang mencukupi selepas 2020.

Sebaliknya pihak Kementerian mengatakan kita harus memberikan tumpuan dan penekanan kepada mengurangkan penggunaan air yang adalah tertinggi di Malaysia. Saya rasa dari segi ini oleh kerana pengguna air tetap naik setiap tahun. Sebagai langkah terakhir untuk mengurangkan pengguna air maka kita akhirnya akur ke atas apa yang dinasihatkan berkali-kali bukan sahaja oleh pihak kementerian tapi juga oleh pihak NGO iaitu sebagai langkah terakhir untuk mengurangkan penggunaan air maka WSC dilaksanakan. Maka juga rancangan untuk menaikkan kadar tarif akan dilaksanakan juga. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan Y.A.B. Ketua Menteri. Saya difahamkan yang menggunakan surcaj sebahagian cara untuk mengurangkan pengguna air tapi kita tidak melihat langsung satu kempen secara di sekolah ke, masyarakat ke untuk mengajar masyarakat supaya mengurangkan penggunaan air, tidak ada. Malahan kalau saya pergi ke kedai makan di kawasan Jelutong, saya melihat orang-orang yang menjual nasi, air dan sebagainya. Mereka membiarkan sahaja air keluar daripada paip tanpa dikawal saya patut menunjukkan gambar saya ada mengambil gambar. Bermakna tak sampai mengenakan

surcaj bukanlah satu kadar yang kita kata paling baik untuk mengurangkan penggunaan air tapi perlu ada program-program lain yang saya tak nampak sampai hari ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Pulau Betong, memang saya pun setuju bahawa ada penjaja-penjaja dan juga peniaga kecil yang mungkin kurang mempunyai kesedaran alam sekitar untuk menjimatkan air dan membiarkan air paip alir atau jalan sahaja. Saya rasa puncanya ialah kerana mereka rasa kadar tarif air terlalu rendah dan membiarkan begitu sahaja begitu sahaja kerana ia punya kos tak tinggi. Kalau kita tanya pengguna-pengguna di Pulau Pinang mereka ingat tentang bil elektrik yang mereka bayar. Tapi bila tanya bil air kebanyakan tak berapa ingat. Saya rasa itulah kerana bil air bukanlah satu jumlah yang memberi kesan besar ke atas bajet mereka. Tapi kalau kita sebut tentang bil elektrik dinaikkan ia mempunyai kesan besar dan kita difahamkan akan dinaikkan lagi dalam masa depan yang dekat. Itu lah saham Tenaga Nasional naik, tapi bil elektrik pun akan naik dan rakyat akan susah. Tapi tujuan Kerajaan Negeri menaikkan kadar tarif air dan mengenakan WCS semata-mata ialah untuk mengurangkan penggunaan air. Sebelum ini kita telah jalankan selama enam tahun program-program pendidikan di semua peringkat.

Kalau Yang Berhormat berminat, pihak pengurusan PBAPP boleh memberikan satu briefing apakah usaha yang telah dijalankan oleh pihak pengurusan PBAPP. Kalau kita mengimbaskan kembali pada tahun 2008 di antara seruan pertama yang kita terima ialah bahawa Kerajaan Negeri patut bersikap berani dengan menaikkan kadar tarif air. Ini adalah diantara seruan yang dibuat oleh banyak NGO. Tapi pada masa itu kita rasa marilah kita usaha sekali lagi kalau boleh gunakan cara pendidikan dengan meminta

rakyat untuk mengurangkan penggunaan air. Tapi malangnya ia tidak berjaya. Itulah sebabnya kita kenakan WCS tapi tak berjaya juga. Sungguhpun WCS dikenakan penggunaan air masih naik dan naik sampai 311 liter per kapita iaitu seorang sehari dan itulah yang paling tinggi di Malaysia tidak ada negeri yang lebih 300 di Pulau Pinang sahaja.

Kita selalu cakap kita mahu Pulau Pinang mendahului, Penang Lead tapi bukan dalam hal penggunaan air sedemikian. So itulah sebabnya bila kita tidak ada jalan lain, kita terpaksa untuk mengurangkan penggunaan air kerana ia ada kesan ke atas alam sekitar, dia ada kesan ke atas macam mana pihak Kementerian melihat permohonan Pulau Pinang untuk memperluaskan dan memperbanyakkan bekalan air untuk masa depan. Kerana mereka rasa bahawa kita harus memberikan tumpuan ke atas mengurangkan penggunaan air .Untuk mereka, mereka rasa tak masuk akal

Kalau kita belanjakan wang untuk memperbanyakkan bekalan air tapi akhirnya penggunaan air yang besar ini tidak berbaloi. Oleh kerana itu dan tambah lagi dengan catuan air yang berlaku dekat Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan juga dekat dengan Pulau Pinang iaitu Taiping, pekan yang paling basah di mana air hujan yang paling tinggi di Malaysia pun dikenakan catuan air.

Bila kita lihat keadaan sedemikian, kita rasa bahawa kita harus mengambil satu pendirian berani iaitu untuk mengurangkan penggunaan air dan apabila semua cara-cara termasuk sedemikian telah gagal maka kita terpaksa untuk mengenakan WCS yang lebih tinggi dan kadar tarif air dinaikkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan yang akhir, YB. Air Putih. Penggal lepas kita berbahas panjang tentang masalah air Pulau Pinang dengan Kedah. Soalan saya adakah YB. Ketua Menteri telah pun berjumpa dengan Menteri Besar Kedah untuk membincangkan masalah bekalan air di Pulau Pinang ini lebih-lebih lagi dalam hal kita sekarang menghadapi El Nino yang akan datang ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih. Saya rasa YB. Pulau Betong pun tahu cabaran besar apabila El-Nino melanda Semenanjung Malaysia dan *impact* dari segi perubahan cuaca tapi *impact* daripada kemarau yang berpanjangan yang berlarutan dan juga yang kian meruncing. Iaitu bukan sahaja tidak ada hujan tapi dengan keadaan cuaca dan haba yang begitu panas sekali yang akan menyebabkan *evaporation* dan pemeluwapan yang akan lebih cepat. So dari aspek ini kerana itulah sebabnya kita hendak menangani cabaran daripada El-Nino. Itulah sebabnya kita mengambil apa langkah yang perlu supaya kita dapat pastikan pengurusan permintaan air dapat dibuat sebaik yang boleh. Dan apabila kita mengambil langkah-langkah sedemikian pada masa yang sama kita memberi amaran kepada pihak pengurusan. Apa yang pihak pengurusan meminta kita, kita buat. Baik dari segi bekalan mahupun dari segi permintaan. (Dengan izin)...., *water supply management or water demand management*.

Akhirnya sama ada catuan air dijalankan bergantung kepada *management* saja.

Bergantung kepada pengurusan. Kalau pengurusan baik, di tengah-tengah padang pasir pun boleh dapat air. Kalau pengurusan tidak baik, di tengah-tengah tasik pun tidak ada air. Semua bergantung kepada pengurusan. Bila kita mengambil langkah-langkah sedemikian, kita bagi suatu pesanan di pihak pengurusan, PBAPP. Bagi tahu PBAPP apa langkah-langkah yang mereka minta Kerajaan Negeri telah tunaikan kalau masih ada catuan air, jangan anggap Kerajaan Negeri bertindak keras kalau kita ambil tindakan termasuk memecat pegawai-pegawai tertentu yang menyebabkan catuan air terpaksa dijalankan. Saya rasa ini membolehkan PBAPP memfokuskan tugas memastikan apa jalan pun mereka tahu sekarang catuan air tidak dibenarkan kerana ini jalan mudah. Kalau tidak ada air, mereka cakap, oh pertama jangan catuan air. Sekarang jalan mudah ini tidak diberikan langsung untuk PBAPP. Mereka mesti cari jalan lain iaitu apa jalan pun boleh melainkan catuan air. Dan dari aspek ini seperti tentang Kedah saya telah buat kenyataan banyak kali bahawa pihak Kerajaan Negeri kita rela jumpa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah. Sungguhpun kita tidak setuju tentang cadangan beliau, tapi sebagai satu tanda hormat di antara Menteri Besar dan Ketua Menteri, saya tidak ada masalah kalau beliau hendak berjumpa dengan saya untuk membincangkan perkara ini atau pun apa-apa perkara lain tapi sehingga sekarang beliau masih belum membuat temu janji dengan saya. Saya pun cakap, kalau datang sini saya pun boleh belanja makan nasi kandar mungkin kerana beliau terlalu sibuk di Kedah mungkin ada masalah lain beliau belum dapat masa yang sesuai. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan saya soalan 14:

14. Huraikan pendirian dan *political will* Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah polisi negeri hijau untuk memperkekalkan satu-satunya eko sistem *sea grass bed* di *Middle Bank* demi kepentingan alam sekitar, dan *food bank* lautan daripada dimusnahkan oleh projek tebus guna tanah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker, terima kasih saya ingin menjawab soalan 14. Projek tebusguna tanah *Middle Bank* telah dikenal pasti sebagai salah satu projek di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang. Mengenai isu untuk memperkekalkan satu-satunya eko sistem *sea grass bed* di *Middle Bank* demi kepentingan alam sekitar dan *food bank* lautan, ia akan diperincikan melalui Kajian Terperinci Kesan Kepada Alam Sekitar iaitu *Detail Environmental Impact Assessment*.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Speaker, kawasan *sea grass bed* di Malaysia ada 2. Satu di Kuala Sungai Pulai, Johor dan ia telah pun dimusnahkan oleh tebus guna projek Kerajaan Negeri Barisan Nasional Johor, Jadi *MP* Gelang Patah juga mempertahankan *sea grass bed* di Kuala Sungai Pulai, Johor dalam satu *press statement* nya ada menyebutkan bulan

lalu adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang nak ikut langkah Barisan Nasional yang menghapuskan *eco system sea grass bed* yang terbesar di semenanjung. Dan sebagai sebuah negeri hijau diminta jasa baik Kerajaan Negeri bebaskan dan kekalkan lah Middle Bank dari pelan struktur Pulau Pinang sebagai mungkin Taman *Sea Grass Bed* Pulau Pinang. Dan sila huraikan kandungan RFP yang dikemukakan oleh PDC.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, memang *sea grass bed* ini telah dikenal pasti pada tahun 2009. Arahan saya kepada Jabatan Alam Sekitar adalah semak undang-undang untuk menjaga, wujudkan kawasan *sea grass bed* itu. Saya telah diminta untuk larang sesiapa untuk melawat sana tetapi saya amat duka cita apabila diberitahu itu sudah jadi tapak pelancongan. Itulah yang satu yang sakit-sakit hati saya. Di sini saya juga beri tahu untuk RFP hanya dipanggil untuk perunding-perunding pakar untuk runding untuk buat semakan macam mana untuk kekal tapak itu dan juga ambil kira bahawa *hydro flow system* pada kini ada nampak *hydro flow system* terpaksa ada satu *reclamation* di sana supaya uruskan air jalan di sana. Saya beri jaminan ini Kerajaan Pakatan Rakyat bukan Barisan Nasional. Kalau Barisan Nasional apa pun hapus pergi tapi bila kata Pakatan Rakyat memang *we listen to the ground*.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Speaker, saya juga sediakan satu laporan tentang *sea grass bed* kalau boleh edarkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk memahami lebih dalam lagi *sea grass bed* ini dan banyaklah pengkaji-pengkaji dari USM dan luar negeri juga mementingkan kawasan tersebut sebagai satu pengajian lautan dan saya harap kajian-

kajian dari USM dan juga pakar-pakar marin juga diambil kira dalam DEIA kalau ada dan juga RFP yang dikemukakan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker, ini memang RFP adalah untuk mencari perunding. *We are looking for the consultant.* Ini bukan RFP untuk tebus guna. Selepas perunding, pakar perunding telah dipanggil *next step*, saya beri jaminan bahawa semua langkah-langkah akan diambil untuk jaga kepentingannya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan terakhir.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Saya harap Kerajaan Negeri juga mempertimbangkan kawasan ini ada satu *eco system* yang unggul di negara semenanjung kita ini dan kalau ia tidak dipertimbangkan dengan lebih dalam, saya fikir nelayan-nelayan yang berjiran dan juga berdekatan Perak juga akan terlibat dipengaruhi.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker, saya minta rayu kepada ahli Yang Berhormat bahawa jangan bawa orang pergi sana mereka balik angkat *specimen-specimen* di sana selain daripada untuk kajian tetapi apabila saya nampak laporan di dalam surat khabar, satu orang pergi

pijak-pijak nanti benda itu mati. Kutip sebagai *specimen*, itu tidak mau.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Itu tuduhan yang tidak betul.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

YB. Dato', soalan saya yang ke 15:

15. Bilakah Kerajaan Negeri akan membina rumah baru sebagai menggantikan rumah-rumah yang terbakar iaitu sebuah rumah di Jalan Sungai Air Itam, Sungai Aceh dan empat buah rumah di Ladang Transkrian di mana kedua-dua kawasan tersebut berada dalam KADUN Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih, YB. Yang di-Pertua Dewan Speaker, sebelum saya menjawab soalan ini saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Jururawat Sedunia pada 12 Mei yang lepas. Selaku EXCO Kesihatan Negeri Pulau Pinang, saya mengucapkan selamat bertugas kepada semua jururawat di Negeri Pulau Pinang.

Menjawab soalan YB. Sungai Aceh, mengenai kejadian kebakaran pada 14 Julai 2013 dan juga 15 April 2014 di KADUN sungai Aceh yang melibatkan satu buah rumah milikan sendiri di Jalan Sungai Air Itam dan juga empat buah rumah ladang. Di Ladang Transkrian. Kerajaan Negeri telah pun memberikan bantuan segera pada pemilik rumah yang terbakar pada 14 Julai 2013 melalui tabung bencana T.Y.T. berjumlah RM5,000.00. Dan selain daripada itu beberapa pimpinan negeri telah pergi dan berikan sumbangan secara peribadi kepada pemilik rumah mangsa itu. Cadangan pembinaan rumah baru bagi menggantikan rumah mangsa telah dimasukkan dalam program khidmat masyarakat bomba melalui peruntukan Kementerian kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pada masa ini kertas cadangan telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada KPKT di Putrajaya dan sedang menunggu kelulusan KPKT. Mangsa kini tinggal bersama keluarga mertuanya di Sedim, Kedah.

Sementara itu, bagi empat mangsa kebakaran pada 15 April 2014, di Ladang Transkrian, bantuan melalui tabung bencana T.Y.T. juga telah turut disalurkan kepada mangsa-mangsa yang berikut. Terdapat empat (4) orang mangsa yang terlibat dan jumlah bantuan yang telah diberikan adalah sebanyak RM10,000.00. Melibatkan penerima pertama iaitu Encik Paramasivam a/l Munusamy, Mr. Vigneswaran, Encik Jaliaran a/l Tambusamy dan Cik Kalavathy a/p Raman.

Oleh kerana rumah-rumah di Ladang Transkrian yang didiami mangsa-mangsa tersebut adalah merupakan kediaman yang disediakan serta disewa oleh pemilik estet kelapa sawit iaitu Ujagar Singh sebanyak RM60.00 sebulan, maka pembaikan atau pembinaan rumah baru adalah terletak di atas tanggungjawab pemilik estet berkenaan. Pada masa ini, mangsa yang terlibat tinggal di rumah kosong di ladang berkenaan dengan kebenaran pemilik estet sementara proses pembaikan rumah dilakukan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Terima kasih diatas jawapan. YB. Dato' Speaker, saya cuma nak dapat maklumat sebenar. Soalan saya bilakah Kerajaan Negeri akan membina rumah. Bilakah akan membina rumah sebab kedua-dua tempat ini Dato' Speaker yang pertama Rosman bin Omar, Jalan Sungai Bakau, Sungai Aceh. Yang ini dilawati oleh Timbalan Ketua Menteri I dalam bulan puasa yang kita berdebat dulu tapi ada EXCO yang jawab tidak betul dengan saya. Jadi mereka menyatakan kepada saya Timbalan Ketua Menteri nak buat rumah mewakili Kerajaan Negeri, tapi sampai sekarang tak buat lagi. Hari itu saya timbul nak buat tak jawab. Hari ini pula Seberang Jaya jawab melalui bomba di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Yang ini agensi mana, YB. Pulau Betong. Itu yang silap jawab. Tidak faham, sabar.

Yang kedua, Ladang Transkrian juga Timbalan Ketua Menteri juga pi, di kawasan saya ni, Timbalan Ketua Menteri cukup minat. Hanya Ketua Menteri masa pilihan raya dulu pergi. Timbalan Ketua Menteri, yang mana satu...(gangguan), di Jalan Sungai Air Itam, Timbalan Ketua Menteri I yang di Ladang Transkrian, Timbalan Ketua Menteri II..... (gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Dua-dua sekali ...(ketawa).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Saya malu YB. Dato' Speaker, saya ada Timbalan Ketua Menteri yang cukup hebat, nilai yang cukup tinggi, bila Timbalan Ketua Menteri pergi tidak boleh buat *decision*, malulah Ketua Menteri yang lantik mereka Timbalan Ketua Menteri.....(ketawa). Saya sebagai rakyat, malu jadi sebab itu saya tuntutan supaya perkara ini dibuat segera atas Kerajaan Negeri jangan sebut soal, janji kena tunai. Saya nak balik cerita...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Maksudnya Kerajaan Negeri tidak boleh buat. Adakah Kerajaan Negeri yang buat. Soalan saya dari dulu, minta jawab, terima kasih YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Sungai Aceh, soalan itu saya pun dah sampai ke sana, ke sana semuanya. Saya merujuk ni jawapan ni adalah berdasarkan apa yang kita dapatkan rekod daripada Pejabat Daerah dan juga daripada rekod simpanan Kerajaan Negeri. kerana kita semua maklum, bahawa kalau kita bercerita soal rumah, mampu milik untuk rakyat apa semua ni, di SPS sendiri kita ada satu projek di Taman Seruling Emas ini pun adalah projek perumahan untuk rakyat. Dan tidak timbul isu bahawa Kerajaan Negeri tidak mahu bina rumah untuk rakyat di Daerah Seberang Perai Selatan. Cuma macam saya sebut tadi, yang isu di Jalan

Sungai Air Itam, satu (1) rumah di Sungai Aceh ini, memang telah kita buat permohonan melalui KPKT dan dihantar untuk dibina satu rumah baru tunggu kelulusan saja pada KPKT. Tak boleh lah nak sebut Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri, Kerajaan ni semua untuk rakyat. Kalau Sungai Aceh tak setuju dengan saya tak palah, tapi yang saya faham yang saya belajar di sekolah dulu kerajaan ini untuk bantu rakyat, tak kiralah Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri, lebih-lebih lagi pula Sungai Aceh ni..

Timbalan Ketua Menteri II:

Penjelasan sikit, ulasan sikit.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin)

Ya, sila, ya.

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya merujuk kepada saya punya kawan, Sungai Aceh. Saya rasa isu ini, TKM 1 pergi itu tempat, saya tidak tahu. Tapi saya pernah turun ke Transkerian, Ladang Transkrian dan saya tak nampak Ahli Kawasan Sungai Aceh di situ, di situ Transkrian adalah ladang pemilik ini seseorang. Kita tidak boleh buat rumah sebab ini adalah bertentangan dengan undang-undang itu adalah harta swasta. Dan pemilik telah berjanji buat satu (1) rumah iaitu empat (4) rumah yang terbakar. Rumah kedua dan kita akan memberi sumbangan untuk membuat rumah kedua, mungkin daripada peruntukan saya. Saya tidak boleh melibatkan Kerajaan Negeri dalam hal itu, sebab itu adalah tanah swasta, tanah estet. Dan rumah kedua ini mungkin ada sumbangan daripada pihak

tertentu untuk membuat rumah. Saya mahu tanya apa ni, ahli kawasan Sungai Acheh, apakah sumbangan Ahli Kawasan? Apa ini, adakah Ahli Kawasan menyumbang terhadap pembinaan rumah? Saya mahu tanya satu soalan yang lebih besar. Apabila dia buat perancangan perumahan di sekitar Transkrian, kenapa dalam sistem perumahan di sana tidak beri layanan kepada pekerja estet? Kenapa? Semasa Barisan Nasional memerintah, kenapa tidak memberi layanan kepada pekerja estet? Itu saja....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Saya nak respon kepada Seberang Jaya dulu, saya nak balik Dato' Speaker, saya tak tau, dia Seberang Jaya saya minta maaf kalau dia sebut saya nak sebut Seberang Jaya ni hebat seorang doktor muda. Tentu lebih profesional. Saya buat soalan Kerajaan Negeri *confirm* lah. Sebab sebelum ini, satu kebakaran Abdul Aziz bin Ismail 455 Batas Pinang. Kerajaan Negeri buat, Timbalan Ketua Menteri mungkin tak tahu, tak apa saya bawa melawat selepas ini. Jadi kenapa kejadian ini pulak Kerajaan Negeri tak buat? Soalan saya, bila Kerajaan Negeri nak buat, mestilah menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Itu saja, saya tak marah nak mintak kat siapa. Tapi Seberang Jaya masih dok habaq yang tu jugak. Yang tu saya nak cerita balik macam mana? Okey, yang kedua, Timbalan Ketua Menteri tu, dia tanya saya tak nampak, tak apalah saya nampak, saya tahu, Yang Berhormat bagi berapa pun saya tahu, tapi saya bagi lebih daripada Yang Berhormat, saya(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Itu wang pendahuluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Tak, tak ada pendahuluan. Saya berada di situ sampai hantar tilam pun saya ada, Yang Berhormat balik awal dah. Tapi tak apa, depa kata nama YB. Timbalan Ketua Menteri II nak bagi rumah. Itu yang saya mai habaq tu. Memang menjadi pengharapan tinggi YB. Timbalan Ketua Menteri, YB. Perai. Saya pun susah, tak kan saya nak habaq tak boleh kan? Mana boleh, saya mesti menyakinkan Timbalan Ketua Menteri II saya kan? Dia kata dia nak bagi rumah, *yes, confident* dia boleh bagi rumah. Itu saya buat, ini orang kampung Perai. Orang kampung bila pemimpin besar pi...(gangguan), *no.. no.*, ya sebut YB. Perai, betul tak? Betul la. Dak saya sebut...(gangguan). Kacau lah, susah paham jugak la. Jadi itu soalan saya? Jadi pengharapan mereka amat tinggi. Sebab mereka kata bila Timbalan Ketua Menteri mai mewakili Ketua Menteri.....(gangguan), Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bukan kerajaan DAP, Kerajaan Pakatan. Depa marah sebut DAP. So makna dah pakat tentu mandat daripada Air Putih nak bagi peruntukan buat rumah. Bukan mintak kat Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan di bawah Kerajaan Pusat. Itu yang sebenarnya. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. Soalan Lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

YB. Dato' Speaker, soalan saya No. 16.

16. Penyusuan susu ibu amat baik untuk kesihatan dan pembesaran bayi. Untuk menjayakan program ini, sila nyatakan

- (a) Berapakah tempat penyusuan susu ibu sedia ada di pusat membeli-belah dan lain-lain tempat awam di Pulau Pinang?
- (b) Sejauh manakah kesedaran awam tentang kewujudan tempat penyusuan.
- (c) Perancangan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan/penambahbaikan kemudahan ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tuan Yang di-Pertua untuk soalan bahagian A.

Berdasarkan maklumat daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) terdapat 37 tempat penyusuan susu ibu yang sedia ada di pusat membeli belah dan lain-lain tempat awam di sekitar Pulau Pinang. Manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Seberang Perai (MPSP) pula menunjukkan terdapat sebanyak 94 lokasi penyusuan susu ibu yang terdapat di pusat membeli belah, jabatan kerajaan, pejabat swasta dan lain-lain lokasi awam. Selain daripada itu, kemudahan bilik menyusu turut disediakan di semua *facilities* kesihatan iaitu di semua enam (6) buah hospital kerajaan dan 36 buah klinik kesihatan atau klinik kesihatan ibu dan anak di Negeri Pulau Pinang.

Untuk bahagian B, sejauh manakah kesedaran awam tentang kewujudan tempat penyusuan, secara jujur saya tidak boleh memberi satu jawapan kerana kajian tidak dijalankan. Tapi saya tapi pejabat saya setiap tahun, menganjurkan program dengan NGO pada hari *World Breastfeeding Day* untuk mempromosikan kesedaran kesedaran penyusuan ibu.

Untuk bahagian C, melihat kepada keperluan dan kepentingan tempat penyusuan ibu di lokasi yang menjadi tumpuan awam, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah bagi mempromosikan atau menambah baik kemudahan-kemudahan tersebut

melalui:

- (i) Mensyaratkan pemaju untuk menyediakan tempat penyusuan susu ibu bagi pemaju yang melibatkan tempat awam dan pusat membeli belah semasa peringkat pemprosesan pelan oleh MPPP, dan syarat ini perlu dipatuhi sebelum pertimbangan kelulusan diberikan.
- (ii) Mempromosikan Senarai Semakan *Gender* Untuk Reka Bentuk Bandar Dan Perumahan. '*Gender Checklist For Urban Design And Housing*' bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk semua projek pembangunan di Pulau Pinang. Senarai semakan *gender* untuk reka bentuk bandar dan perumahan merangkumi peruntukan untuk bilik penyusuan selain bilik air yang lebih lengkap dan selamat dengan ciri-ciri yang memenuhi keperluan ibu, wanita dan kanak-kanak.
- (iii) menyarankan penyediaan tempat menyusu untuk jabatan-jabatan yang berurusan dengan orang awam, sebagaimana yang dipraktikkan oleh MPSP. Ruang penyusuan ini dilengkapi dengan kemudahan kerusi rehat dan peti sejuk beku. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih YB. Padang Lalang adakah selain daripada klinik-klinik dan hospital yang dimaklumkan tadi, adakah Kerajaan Pusat juga turut memberi inisiatif atau kerjasama dengan Kerajaan Negeri supaya menjayakan program penyusuan susu ibu, dan, sama ada tempat-tempat penyusuan juga diwujudkan di pejabat-pejabat atau agensi-

agensi Kerajaan Pusat untuk menggalakkan golongan ibu kerjaya supaya dapat menikmati kemudahan ini dan memberi penyusuan susu ibu kepada anak-anak mereka. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih ke atas soalan tambahan. Saya rasa Kementerian Kesihatan Malaysia turut menggalakkan supaya tempat awam seperti pusat membeli belah dan lain-lain tempat menyediakan kemudahan tempat penyusuan. Saya rasa dari segi ini, Kementerian Kesihatan juga patut dipuji kerana mereka memang mementingkan aktiviti ini. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengusahakan untuk memasukkan komponen kemudahan mesra bayi di tempat awam di dalam garis panduan reka bentuk sejagat yang dibentuk oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan Lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Peraturan 26(iii) tak berkaitan dengan Pinang Tunggal. Yang Berhormat Dato' Speaker amalan di Parlimen dan juga dalam DUN ini, selalu Speaker perlu jemput Ahli dengan menyebutkan kawasan atau nama bukan menyatakan soalan seterusnya. Minta maaf....(ketawa).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Peraturan diterima.....(ketawa), Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih Padang Kota. Teguran yang baik sungguh. Yang Berhormat Dato' Speaker soalan saya seperti nombor 17, tapi tadi kita faham soalan ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Air Putih jadi saya boleh kemukakan soalan tambahan?....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Berkaitan?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya boleh kemukakan soalan tambahan atau nak dengar dulu?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Berkaitan?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Nak dengar dulu okey....(gangguan), terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Pada soalan daripada YB. Pinang Tunggal, perkembangan mengenai perbincangan antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kedah mengenai isu pembelian air. Sebelum saya nak menjawab, air ini adalah memang satu (1) yang cukup penting, kerana sebagai EXCO yang menjaga Pembangunan Industri dan Antarabangsa, antara sebab multinasional ...(dengan izin), syarikat multinasional datang ke Pulau Pinang ini adalah kerana sumber air yang cukup baik dan berterusan. Jadi sememangnya antara cadangan atau perancangan ialah untuk mendapatkan sumber air yang bukan hanya untuk setahun dua tetapi untuk masa-masa depan supaya jangka panjang.

Menjawab soalan yang telah ditanyakan tadi memang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat maknanya tidak ada perbincangan yang telah dilakukan antara kedua Menteri Besar ataupun CM melainkan hanya kenyataan *Press Conference* ...(dengan izin), iaitu seperti yang telah disebutkan tadi pada bila-bila masa dijemput untuk mengadakan perbincangan ini tapi tidak ada respons yang daripada pihak Menteri Besar Kedah. Itu jawapan daripada saya. Sebelum saya ni nak menyentuh tentang YB. Sungai Acheh tadi, ya saya sebut sikit sebab tadi nama saya telah disebutkan mengenai dengan perumahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang berkaitan sudah.

Timbalan Ketua Menteri I:

Baik, terima kasih. terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Soalan tambahan YB dato' Speaker terima kasih. Tadi jawapan dari Pantai Jerjak air ini amat penting tapi bagi saya kos juga amat penting jadi soalan tambahan saya. Berapakah kos tambahan berapakah tambahan kos operasi tahunan PBAPP sejak tandatangan Perjanjian Migrasi Aset Air dengan PAAB pada tahun 2011?

Timbalan Ketua Menteri I:

Ini soalan tambahan yang perlu saya rujuk jawapannya, minta maaf kerana itu tidak ada dalam yang saya rancang. Saya akan menjawab kemudian dalam penggulungan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima Kasih Pantai Jerjak saya ingat Pantai Jerjak boleh terus jawab atas kapasiti Timbalan Ketua Menteri 1, apatah lagi selalu sangat kita tengok poster-poster gambar Yang Berhormat Pantai Jerjak ini rata-rata simpang sejak jadi Timbalan Ketua Menteri 1. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan seterusnya, Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Terima Kasih, YB. Dato' Speaker soalan saya soalan nombor 18 , Terima kasih.

18. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memberi pendidikan kepada rakyat untuk mengurangkan penggunaan air secara berlebihan dan menggalakkan pengguna berjimat cermat. Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi setiap tahun bermula dari 2008 sehingga kini?

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Ahli kawasan Penaga. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil beberapa langkah untuk memberi pendidikan kepada rakyat untuk mengurangkan penggunaan air iaitu satu, mendidik masyarakat agar menggunakan air dengan bijak menerusi langkah-langkah penjimatan air yang terdapat di laman web PBAPP dan juga menerusi kempen jimat air yang disasarkan kepada pelajar sekolah. Program kedua program jimat air juga dilakukan bersama NGO yang terlibat dalam usaha pemuliharaan air iaitu Water Wash Penang (WWP). Tiga, usaha untuk menggalakkan penggunaan Peranti Penjimatan Air (Water Saving Device) di rumah dan di pejabat bagi penjimatan air secara automatik. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi usaha penjimatan air setiap tahun bermula daripada tahun 2008 sehingga kini adalah seperti berikut. Tahun 2008 (RM70,602.00), 2009 (RM 42,535.00), 2010 (RM 83,000.00), 2011 (RM 113,728.00), 2012 (RM 143,863.00), tahun lepas 2013 (RM 246,053.00) dan 2014 suku pertama adalah (RM 72,214.00). Terima Kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Perai. Soalan saya berkaitan dengan langkah-langkah yang telah diambil. Saya dapati tak tahulah bagi sayalah datang daripada kawasan luar bandar saya tidak nampak langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri khususnya PBA dalam memberi penerangan kepada penduduk-penduduk di kampung mengenai cara-cara untuk menjimatkan penggunaan air dan perkara ini mungkin juga menyebabkan penggunaan air di kawasan-kawasan luar bandar meningkat ataupun dan secara langsung akan membebankan mereka dari segi kos dan sebagainya, jadi saya ingin tahu lebih lanjut daripada Yang Berhormat langkah-langkah terperinci yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memberi penerangan mengenai penjimatan penggunaan air kepada penduduk-penduduk di luar bandar khususnya. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima Kasih ahli kawasan Penaga dan selepas apabila beberapa negeri mengalami kekurangan air khususnya Selangor, Perak dan juga Kedah mungkin walaupun tidak melibatkan Pulau Pinang secara keseluruhannya saya rasa walaupun program penjimatan air adalah proses yang berterusan tapi selepas tiga (3), empat (4) bulan dan ini kita memang sangat sedar tentang isu ini bagaimana kita akan menjimatkan air dan mungkin saya rasa itulah mungkin pemikiran Kerajaan Pusat juga bagaimana kita akan menjimatkan air. Jadi walaupun ini adalah satu yang berterusan tapi saya rasa mungkin kesedaran ini adalah lebih sekarang jika dibandingkan dengan dahulu.

Oleh kerana itu, PBA telah mengambil beberapa langkah *for example*(dengan

izin) *rain water housing* dan sebagainya ini akan diperkenalkan dari masa ke masa ini akan diumumkan dalam apa tu media massa. Kampung kita pun sedar bahawa apa ni harga air di Pulau Pinang adalah terendah sekali kalau kita banding dengan negeri-negeri lain jadi lagi satu aspek yang saya tak sentuh di sini ialah di mana kita ada *water surcharge* ...(dengan izin) ini bermakna siapa yang guna lebih air dia akan bayar, tapi ini tidak kena pada mereka yang gunakan air misalnya di kampung dan sebagainya. Jadi ini memberi satu ...(dengan izinnya) kita bagi *carrot* dengan kayu supaya kepada mereka yang gunakan air lebih, cuci lima (5) kereta, enam (6) kereta dia akan bayar lebih. Jadi inilah satu berterusan dan kita rasa bimbang bahawa seperti yang telah diramalkan oleh *the world weather Institute* mungkin kemungkinan besar El-Nino akan melanda Pulau Pinang dengan beberapa negeri apa ini memandangkan isu ini mungkin berlaku mungkin tidak saya rasa penjimatan air menjadi satu isu yang pokok dan kita pun tahu kalau tiada air pelabur pun tak mahu masuk, saya rasa di Selangor saya rasa sudah hilang mungkin saya pun tidak ada angka yang tepat beberapa bilion pelaburan tidak mahu masuk, tidak ada air, di Selangor tapi biasalah memberi pujian kepada PBA di Pulau Pinang sebab pengurusan air dan saya mengandaikan bahawa masalah mungkin di Selangor selain daripada tidak hujan dan sebagainya adalah pengurusan air dan dari segi itu saya rasa Pulau Pinang, PBA di Pulau Pinang pengurusan adalah satu yang baik sekali. Terima Kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan seterusnya Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan saya soalan nombor 19.

19. Apakah rasional dan huraikan justifikasi kenapa pejabat Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) hendak berpindah ke Batu Kawan, dan apakah perancangan Kerajaan Negeri dengan tapak pejabat PDC yang sedia ada di Bayan Baru?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Menjawab soalan lisan ahli kawasan Permatang Berangan, Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) tidak bercadang untuk berpindah ke Batu Kawan dan akan kekal di tapak yang sama sebaliknya terdapat perancangan bagi tapak pejabat PDC yang sedia ada sekarang, untuk dibangunkan sebagai sebuah Business Process Outsourcing-Information Technology Outsourcing (BPO-ITO) Hub, seperti yang telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Wahid Bin Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mewakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 1 Mac 2014.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):

Ada soalan tambahan. Apakah Kerajaan Negeri ada perancangan untuk di Batu Kawan adakah. nak dilaksanakan dengan projek-projek pembangunan kos rendah, rumah kos rendah mampu milik dan sebagainya, di samping mengundang (*giant killer* ... (dengan izin), seperti IKEA dan sebagainya di kawasan tersebut. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Yang Berhormat Permatang Berangan saya rasa Kerajaan Negeri dua (2) tahun yang lepas sudahpun mengumumkan yang Kerajaan Negeri akan, sudahpun melancarkan satu projek raksasa di Batu Kawan yang akan membina lebih dari 11,000.00 unit rumah kos mampu milik daripada rumah RM42,000.00 hinggalah kepada rumah RM250,000.00 di Batu Kawan. Dan ini telah dilaksanakan sebelum lagi kita bawa masuk *the giant killer* yang dimaksudkan oleh Permatang Berangan dulu so ini adalah rumah rumah kos mampu milik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Terima Kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan seterusnya Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima Kasih Dato' Speaker, yang masih ada lagi kesempatan untuk dijawab soalan saya yang ke-20.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan yang nombor 20.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Soalan dari Permatang Pasir soalan 20....(gangguan).

20. Nyatakan berapa banyakkah tanah pertanian yang telah di tukar syarat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2012 hingga 2013. Apakah jenis kegunaannya?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sesiapa yang diarahkan oleh...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Menjawab soalan lisan oleh ahli kawasan Permatang Pasir aaa. Jumlah keluasan tanah yang telah ditukar syarat kepada status pertanian kepada lain-lain status bagi tempoh 2012 ke 2013 adalah seluas 560.51 ekar dan seperti berikut:

Daerah	2012 Ekar	2013 Ekar	Jumlah Ekar
Daerah Timur Laut	-	1.44	1.44
Daerah Barat Daya	61.98	93.16	155.14
Seberang Perai Utara	36.52	0.11	45.63
Seberang Perai Tengah	168.49	57.54	226.03
Seberang Perai Selatan	112.03	20.24	132.27
JUMLAH	379.02	181.49	560.61

Butiran terperinci daripada segi penggunaan adalah seperti berikut. Dan ini adalah yang kita akan kita akan beri kepada Permatang Pasir.

**SENARAI LOT-LOT TANAH PERTANIAN
YANG TELAH DILULUSKAN TUKAR SYARAT
KEPADA KEGUNAAN LAIN BAGI TEMPOH 2008 – 2013**

DAERAH TIMUR LAUT

Bil.	Tarikh Kelulusan	Butir-Butir Tanah	Keluasan	Catatan
1.	2.4.2013	Lot 472, Mukim 17	1.44 ekar	Bangunan
Jumlah: 1.44 ekar				
DAERAH BARAT DAYA				
1.	1.2.2012	Lot 1308, Mukim 6	2.2314 ekar	Perumahan
2.	1.2.2012	Lot 523, Mukim 11	2.7962 ekar	Perumahan
3.	19.3.2012	Lot 5793 Mukim 12	0.7277 ekar	Kediaman
4.	26.7.2012	Lot 921, 922, 923, Mukim 11	2.949 ekar	Kediaman
5.	8.8.2012	Lot 296, 306, 1460, 1461, 1465, 1675, 1713, 1714, 2343 dan 2346, Mukim 12	46.948 ekar	Kediaman
6.	1.8.2012	Lot 239, Mukim 11	2.9 ekar	
7.	1.8.2012	Lot 15563, Mukim 12	0.728 ekar	
8.	12.12.2012	Lot 1428 dan 1430, Mukim 9	2.70 ekar	
9.	2.1.2013	Lot 67 – 70, 89, 279, 611 – 614, 658 Mukim 1	18.303 ekar	
10.	10.1.2013	Lot 243 Mukim 1 (Sungai Pinang)	2.544 ekar	Perumahan
11.	14.5.2013	Lot 540, Mukim 6	2 ekar	Perumahan
12.	12.6.2013	Lot 370, 377, Mukim 12	32 ekar	Perumahan
13.	28.6.2013	Lot 2, 331, 540 dan 541Mukim 7	13.775 ekar	Perumahan
14.	21.8.2013	Lot 399, 622, 623, 624, 631, 632 Mukim 2	20.26 ekar	Perumahan
15.	27.11.2013	Lot 797, Mukim 12	4.28 ekar	Industri
		Jumlah:	155.14 ekar	

SEBERANG PERAI UTARA				
Bil.	Tarikh Kelulusan	Butir-Butir Tanah	Keluasan	Catatan
1.	9.1.2012	Lot 2959, Mukim 12	0.863 ekar	Kediaman
2.	30.3.2012	Lot 2869, Mukim 9	1.083 ekar Tanah sawah	Perumahan

3.	15.2.2011	Lot 4437, Mukim 12	3.156 ekar	Perindustrian
4.	8.6.2012	Lot 1769, Mukim 12	2.756 ekar	Perindustrian
5.	23.5.2012	Lot 1497, Mukim 12	1.98 ekar	Perindustrian
6.	16.10.2012	Lot 928, Mukim 16	2.55 ekar	Perumahan
7.	23.11.2012	Lot 3795, Mukim 12	6.479 ekar	Perindustrian
8.	5.12.2012	Lot 370, Mukim 13	14.105 ekar	Perumahan
9.	30.11.2012	Lot 3196, 2476, Mukim 12	1.625 ekar	Bangunan
10.	12.12.2012	Lot 5674, Mukim 12	1.925 ekar	Perindustrian
11.	5.6.2013	Lot 1848, Mukim 8	1.625 ekar	Bangunan
12.	6.8.2013	Lot 178, Mukim 16	1.9 ekar	Bangunan
13.	4.10.2013	Lot 1756, Mukim 12	3.06 ekar	Bangunan
14.	31.5.2013	Lot 3213, Mukim 12	2.525 ekar	Bangunan
		Jumlah:	45.63 ekar	

SEBERANG PERAI TENGAH				
Bil.	Tarikh Kelulusan	Butir-Butir Tanah	Keluasan	Catatan
1.	3.1.2012	Lot 1315 dan 1403, Mukim 9	7.012 ekar	Bangunan
2.	7.3.2012	Lot 1748 dan 1750, Mukim 15	7.812 ekar	Bangunan
3.	24.2.2012	Lot 227 dan 228, Mukim 17	2.1 ekar	Perumahan
4.	30.3.2012	Lot 13 Mukim 16	7.093 ekar	Perumahan
5.	10.1.2012	Lot 804, 810, Mukim 13	69.7 ekar	Perumahan
6.	26.4.2012	Lot 889 Mukim 7	1.37 ekar	Bangunan
7.	3.4.2012	Lot 582, 569 Mukim 17	5.606 ekar	Perumahan

8.	12.4.2012	Lot 1773, Mukim 14	7.03 ekar	Perumahan
9.	22.6.2012	Lot 1136, Mukim 14	3.33 ekar	Perindustrian
10.	22.6.2012	Lot 889 Mukim 7	1.37 ekar	Bangunan
11.	11.6.2012	Lot 5111, Mukim 16	2.61 ekar	Bangunan
12.	22.6.2012	Lot 528, 536, 1718, 1869 – 1873, Mukim 15	5.6 ekar	Perumahan
13.	29.6.2012	Lot 159, 1430, 535, 537, 1868, Mukim 14 & 15	9.59 ekar	Perumahan
14.	22.6.2012	Lot 1251, Mukim 14	1.5 ekar	Bangunan
15.	12.7.2012	Lot 205, 208, 1467, Mukim 17	3.8 ekar	Perumahan
16.	12.7.2012	Lot 544, Mukim 13	1.5 ekar	Perusahaan
17.	7.9.2012	Lot 17334, Mukim 14	1.3 ekar	Bangunan
18.	17.12.2012	Lot 22993 Mukim 15	8.13 ekar	Perumahan
19.	26.9.2012	Lot 1769, Mukim 14	14.637 ekar	Perumahan
20.	16.10.2012	Lot 537, Mukim 13	1.5 ekar	Perusahaan

Bil.	Tarikh Kelulusan	Butir-Butir Tanah	Keluasan	Catatan
21.	5.12.2012	Lot 146, 149, 163, 1275, 1423, 1807, Mukim 14	5.9 ekar	Perumahan
22.	22.1.2013	Lot 1198, 1213, Mukim 15	10.77 ekar	Perumahan
23.	6.2.2013	Lot 1557, Mukim 17	2.09 ekar	Perusahaan
24.	14.2.2013	Lot 539, Mukim 13	1.5 ekar	Perusahaan
25.	20.2.2013	Lot 759, Mukim 13	2.69 ekar	Perusahaan
26.	5.6.2013	Lot 1276, 1278, 1279, Mukim 18	1.7 ekar	Bangunan

27.	31.5.2013	Lot 398, 399, 868, 878, 156, Mukim 17	21.23 ekar	Perumahan
28.	12.6.2013	Lot 398, Mukim 14	2.899 ekar	Perumahan
29.	6.9.2013	Lot 793, 801, 1768, 1769	3.66 ekar	Perumahan
30.	6.8.2013	Lot 1782, Mukim 14	8.21 ekar	Perusahaan
31.	31.7.2013	Lot 567, Mukim 17	1.3 ekar	Bangunan
32.	11.10.2013	Lot 147, 1424, 1425	1.5 ekar	Perumahan
Jumlah :			226.03 ekar	

SEBERANG PERAI SELATAN				
Bil.	Tarikh Kelulusan	Butir-Butir Tanah	Keluasan	Catatan
1.	12.1.2012	Lot 1714, Mukim 9	0.62 ekar	Menjual makanan ikan dan udang
2.	1.2.2012	Lot 447, 448, 449, 723 Mukim 5	45.056 ekar	Memproses kitaran semula kertas terpakai / tanah bukit
3.	1.2.2012	Lot 254 Mukim 14	3.2 ekar	Perumahan

SEBERANG PERAI SELATAN				
4.	8.2.2012	Lot 967 Mukim 14	8.750 ekar	Perumahan
5.	8.2.2012	Lot 9222 Mukim 14	2.661 ekar	Perniagaan
6.	8.2.2012	Lot 329 Mukim 15	1.5105 ekar	Perniagaan
7.	15.2.2012	Lot 24, Mukim 4	5.575 ekar	Perumahan
8.	15.2.2012	Lot 468 Mukim 14	3.7723 ekar	Perumahan
9.	19.3.2012	Lot 7788 Mukim 14	1.089 ekar	Perumahan

SEBERANG PERAI SELATAN				
10.	15.6.2012	Lot 449, Mukim 14	3.038 ekar	Bangunan
11.	25.10.2012	Lot 3315, Mukim 11	2 ekar	Perusahaan
12.	31.10.2012	Lot 7133, Mukim 11	12.86 ekar	Perumahan
13.	16.11.2012	Lot 116, Mukim 15	1.5 ekar	Bangunan
14.	16.11.2012	Lot 5580, Mukim 7	3.2 ekar	Perusahaan
15.	23.11.2012	Lot 663, Mukim 5	1.009 ekar	Bangunan
16.	23/11/2012	Lot 1133, Mukim 6	14.7 ekar	Perusahaan
17.	5.12.2012	Lot 231, Mukim 6	0.5 ekar	Bangunan
18.	117.12.2012	Lot 151, Mukim 11	0.99 ekar	Bangunan
19.	14.2.2013	Lot 862, Mukim 14	5.497 ekar	Perumahan
20.	27.3.2013	Lot 336, Mukim 11	2 ekar	Bangunan
21.	28.6.2013	Lot 582, Mukim 11	2 ekar	Bangunan
22.	19.6.2013	Lot 20437, 20438, Mukim 14	1.35 ekar	Bangunan
23.	18.10.2013	Lot 7698, Mukim 7	1.3 ekar	Bangunan
24.	27.11.2013	Lot 13,1345, 1393, Mukim 15	8.1 ekar	Bangunan
		Jumlah:	132.27 ekar	

YB. Dato' Speaker:

Tiada soalan tambahan kita terus ke soalan yang seterusnya Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Dato' Speaker soalan saya soalan nombor 21.

21. (a) Apakah prosedur yang dipraktikkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) setelah menerima bantahan di bawah seksyen 21(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976?
- (b) Mengapakah terdapat kes-kes di mana bantahan diterima oleh Jawatankuasa Dengar Bantahan tetapi Kebenaran Merancang tetap diluluskan oleh OSC tanpa pindaan?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

21, Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Ahli Kawasan Bukit Tengah.

- (a) Prosedur yang dipraktikkan oleh MPSP setelah menerima bantahan di bawah Sek. 21(6), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 adalah seperti berikut :
- (i) Menetapkan tarikh Mesyuarat Bantahan.
- (ii) Memanggil pembantah untuk membentangkan asas bantahan.

- (iii) Jawatankuasa mendengar bantahan dan membuat keputusan.
 - (iv) Perakuan Jawatankuasa Mendengar Bantahan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).
- (b) Berkenaan bahagian B, mengapakah terdapatnya kes-kes di mana bantahan tersebut diterima tetapi masih tetap diluluskan tanpa pindaan.

Jawapannya Ya. Sememangnya terdapat permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan walaupun bantahan daripada pembantah diterima. Ini adalah satu proses perundangan yang saya ingat rakan saya tahu kerana ini adalah berkenaan Seksyen 21(6). Ada hak untuk membuat bantahan yang akan dipertimbangkan seperti mana jawatankuasa OAC akan buat, mereka akan menimbang ulasan daripada semua jabatan-jabatan teknikal berdasarkan bantahan yang diterima dan pandangan Ahli Jawatankuasa OAC akan dibuat dan satu keputusan Jawatankuasa Bantahan akan diambil sebelum, setelah segala perkara ini diambil maklum. Sama seperti satu proses perundangan umpamanya di mahkamah ada ulasan-ulasan atau hujahan-hujahan akan dibuat berkenaan sama ada ada bantahan ataupun tiada dan ini semua akan diambil kira. Jadi jawapan saya perbincangan di Jawatankuasa OAC akan memastikan agar keperluan semua teknikal jabatan-jabatan teknikal akan dipatuhi selepas membuat keputusan sebelum membuat keputusan pelan perancangan itu adalah perkara penting berkenaan perkara ini.

Ahli Kawasan Bukit Tengah(YB. Ong Chin Wen):

Soalan tambahan saya. Dalam kes ini saya melihat terdapat dua (2) praktik yang berbeza di dua (2) PBT di Seberang Perai MPSP, panel yang mendengar pendedahan adalah satu jawatankuasa dengan bantahan manakala di sebelah MPPP keseluruhan panel dalam OAC pula mendengar bantahan di bawah seksyen tersebut dan soalan B saya adalah kerana terdapat kes- kes di mana keputusan jawatankuasa dengan bantahan adalah menerima bantahan yang dikemukakan oleh pembantah-pembantah dan juga membuat syor-syor kepada OAC bahawa sama ada kebenaran merancang itu perlu di pinda ataupun tidak, tetapi keadaan di MPSP itu sekiranya dua (2) bantahan di dengar oleh satu (1) panel itu yang berlainan dengan anggota-anggota dalam OAC keadaan yang saya tanya itu sering berlaku dan dia berbeza di MPPP di mana bantahan-bantahan tersebut didengar sendiri oleh keseluruhan anggota OAC tersebut. Jadi di MPPP adalah satu panel yang sama dengan panel OAC itu mendengar bantahan tersebut tetapi di MPSP yang mendengar bantahan adalah satu panel satu (1) jawatankuasa di mana keahliannya cuma ada seorang dua (2) ahli dalam OAC jadi ia adalah dua (2) jawatankuasa dalam jawatankuasa panel atau jawatankuasa yang berbeza dan keadaan tersebutlah telah memberi situasi yang cukup mengelirukan kerana bagi pembantah mereka telah menerima keputusan oleh jawatankuasa mendengar bantahan bahawa bantahan mereka telah diterima, tetapi kemudian pula di mesyuarat OAC kebenaran merancang itu diluluskan tanpa sebarang pindaan atau mengambil kira bantahan yang diterima tersebut. Itu adalah soalan saya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih yang Berhormat Bukit Tengah, saya melihat kepada soalan yang

dikemukakan tersebut di mana pada saya ia adalah berkenaan proses tetapi memandangkan soalan tambahan rakan saya tadi saya memang akur apa yang sedang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Tengah, iaitu berkenaan pertindihan berkenaan di MPSP di peringkat pertama. Ada satu (1) jawatankuasa bantahan yang mendengar bantahan tersebut dan mungkin dalam satu (1) kes yang tertentu ia boleh diterima bantahan walhal apabila sampai di peringkat OAC mungkin kebenaran walau bagaimanapun diberikan, itu rungutan daripada Ahli Kawasan Bukit Tengah, tetapi itu bukan apa saya nampak dalam soalan tersebut tapi saya menerima apa yang dinyatakan oleh pihak Bukit Tengah dan kalau Bukit Tengah boleh memberikan saya satu spesifik kes, mungkin saya boleh melihat kepada kes tersebut mungkin boleh membuat cadangan bagaimana kita boleh menambah baik sistem. Saya percaya adalah itu keadaan yang mungkin perlu kita nampak tetapi saya harap Bukit Tengah dapat memberikan saya spesifik kes.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Saya akan beri dalam perbahasan saya esok pagi

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan saya YB. Datok Keramat, saya rasa bersetuju dengan pandangan yang terhormat bahawa ada keseragaman contoh yang paling mula sekarang disebabkan kita tidak ada keseragaman ditimbulkan masalah daripada masyarakat *parking ticket*, MPSP lain dan MPPP lain, MPPP lain, MPSP lain. So orang yang ada kerja di sini hendak pergi ke sana, susah, so kenapa tidak diseragamkan *parking ticket* di MPSP dan MPPP dan adalah satu contoh di mana beberapa perkara yang boleh diseragamkan di antara

MPPP dan MPSP.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

jawab.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Pulau Betong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

You answer together.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Answer together.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, tentang isu penambahbaikan ini tadi, selalu di bawah seksyen 21(6) Akta Perancang Bandar, di mana notis diberi kepada

pemilik-pemilik bersebelahan untuk tentang cadangan pembangunan, jadi ada banyak rungutan yang kita terima di mana pemilik-pemilik itu telah meninggal dunia, notisnya tidak diterima dan waris-warisnya mungkin tak maklum tentang pembangunan yang hendak berlaku dan oleh sebab itu bila dah lulus projek timbul masalah terutama sekali tentang laluan masuk, isu banjir dan sebagainya bantahan-bantahan tidak sempat dibuat. Jadi kalau boleh saya hendak tanya sebagai satu soalan sama ada pembaikan tentang proses memberi notis ini dapat dilaksanakan dengan memastikan bahawa notis itu sampai, maknanya ada pihak yang menerima dan boleh bertindak balas ke atas projek yang akan dilaksanakan di sebelah tanah mereka, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima Ahli kawasan Pulau Betong dan Ahli kawasan Telok Ayer Tawar untuk soalan soalan tersebut. Pertama sekali berkenaan *parking ticket*, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulau Betong itu mungkin boleh dapat dijawab oleh rakan saya daripada Ahli Kawasan Padang Kota dalam penggulungan beliau kerana soalan 21 (6) adalah satu soalan berkenaan prosedur yang ada dalam Jabatan Perancangan Bandar dan Desa jadi saya lebih boleh jawab soalan tersebut dan kepada Ahli kawasan Telok Ayer Tawar, berkenaan cadangan penambahbaikan yang dicadangkan oleh pihak Bukit Tengah tadi, saya ingat itu adalah berlainan kepada apa Telok Ayer Tawar tanya tadi berkenaan sekiranya prosedur 21(6), penyerahan notis tersebut tidak tercapai *I think that is the question*, so saya ingat dari segi perundangan ada keperluan di pihak penduduk sesuatu premis untuk memaklum kepada Pihak Berkuasa Tempatan akan penukaran alamat dan sebagainya jadi sekiranya ada penukaran alamat, notis boleh diberikan ada peruntukan sebegitu *so I think if you are saying* sudah meninggal dunia dan waris tidak dimaklum *I think* waris ada tanggungjawab untuk maklum tentang siapa yang telah meninggal dunia

dan sebagainya saya ingat itu adalah jawapan sayalah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalannya di sini, sikit sahaja penjelasan, selalunya orang kampung dia orang tidak tahu nak jadi projek, hanya di Pihak-pihak Berkuasa Tempatan sahaja yang tahu, jadi bila projek dah lulus bila dah naik dah *signboard* dah terlalu lewat untuk membuat bantahan jadi masalahnya ini perlu di atasi sebab supaya ia tidak menimbul masalah di masa hadapan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli yang berhormat tiga (3) jam untuk soalan lisan sudah tamat. Bagi soalan-soalan yang tidak sempat dijawab. Saya minta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberi jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli yang bertanya selaras dengan Sub-Peraturan 26 (7) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Setiausaha:

Soalan bertulis

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan bertulis akan dibentangkan di atas meja ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi

persidangan pada hari ini juga.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan akan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada 20 Mei 2014 , Selasa jam 09.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 Petang.